

Bil. 51

**Isnin
20 Oktober 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1998 (Ruangan 13)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1998 (Ruangan 13)

Oktober, 1997.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWANRAKYAT**

Isnin, 20 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]
mempengerusikan Mesyuarat]

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB
MULUT**

AIR GALIAN - JUMLAH PENGELUAR

1. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pengeluaran air galian yang didaftarkan dan sejauhmana kualiti air galian ini boleh dijamin.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan 20 lesen kepada pengusaha air mineral semula jadi tempatan dan 7 lesen untuk air mineral semula jadi yang diimport. Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal kualiti keselamatan semua jenis air minuman dan makanan melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Ini termasuk ke atas air mineral semula jadi di bawah Peraturan 360A, Peraturan Makanan 1985. Bagi air mineral, kawalan melibatkan pemeriksaan dan pengawasan berjadual dijalankan ke atas punca air dan juga kilang yang memproses air berkenaan di mana setiap peringkat proses pembotolan akan diperiksa dengan tinggi dan ketat.

Di samping itu, pensampelan secara rawak dijalankan ke atas produk akhir yang terdapat di pasaran. Bagi air mineral yang diimport pengawasan dilakukan melalui aktiviti pensampelan di peringkat pintu masuk.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan air mineral ini harganya lebih tinggi daripada harga petrol, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah usaha-usaha kawalan yang telah dibuat supaya masyarakat tidak keliru dengan pelbagai jenis air yang ada di dalam pasaran. Misalnya, masyarakat keliru yang mana satu air galian tulen berbanding dengan air suling dan juga air turasan ataupun air tapisan. Jadi, yang inilah yang mengelirukan pengguna-pengguna. Jadi,

apakah kawalan yang dapat dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan mengenai kes-kes begini. Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis air dalam pasaran terbuka sekarang ini iaitu air yang dikatakan air mineral semula jadi yang datang daripada punca tanah dan keduanya air minuman berbungkus, atau package drinking water, dengan izin, seperti contohnya air disuling, otmosis water, distilled water dan sebagainya. Dan di bawah dua jenis air ini ada dua undang-undang yang mengawal iaitu di bawah Peraturan Makanan 1985 Peruntukan 360A bagi air mineral semula jadi dan juga Peraturan 360B bagi air berbungkus.

Cara untuk membezakan antara air botol mineral semula jadi dan air berbungkus atau package drinking water, pertama adalah dari segi sebutan sebenar yang harus berada di muka label atau main panel yang mesti ditulis 'Air Mineral Semula Jadi' yang saiznya sebanyak 10 point font size dan ini antara punca utama untuk membuat perbezaan dan cara untuk mengawal adalah, pertama, untuk memastikan supaya peraturan-peraturan tidak dilanggar seperti tidak membuat sebutan sebenar pada label atau font size amat kecil dan mengelirukan dan pihak pengilang atau pengeluar menyatakan hasrat atau claim, dengan izin, yang tidak berasas di atas label dan mesti juga ada nombor pendaftaran kelulusan Kementerian Kesihatan.

Cara-cara untuk mengawas air mineral semula jadi ini adalah di antaranya melakukan pensampelan air seperti yang telah saya sebutkan tadi. Pensampelan air dijalankan di punca, di kilang pemprosesan, di pasaran dan di pintu-pintu masuk bagi memastikan air tersebut mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan juga pemeriksaan di kilang di mana dijalankan setiap bulan bagi memastikan pihak pengurusan kilang mengamalkan pengilangan yang baik dan mengekalkan kebersihan yang tinggi. Jadi, setakat ini pihak kementerian sedang berdialog dengan pengusaha-pengusaha dan persoalan-persoalan seperti isu berkaitan dengan pricing dan sebagainya akan mendapat keputusan tidak berapa lama lagi.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan hanya kurang daripada 20 buah syarikat yang mengeluarkan minuman air galian ini tetapi apa yang kita dapati di pasaran, pelbagai jenama, mungkin

lebih daripada 30, 40, mungkin 50 jenama yang ada di pasaran ini. Apakah ini menunjukkan bahawa satu syarikat pengeluar ini dibenarkan mengeluarkan pelbagai jenama dan mengapa ini dibenarkan. Bukankah ini mempunyai unsur-unsur penipuan selain daripada kos untuk mengeluarkan air galian ini begitu rendah dengan harga jualan yang tinggi dan ini bererti satu keuntungan besar kepada pengeluar?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya syarikat yang diluluskan itu ada mengeluarkan jenama selain dari jenama yang telah diluluskan di bawah setiap lesen. Kementerian sekarang ini sedang mengkaji melalui dialog yang saya katakan tadi untuk membincang perkara ini dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk melihatkan kesan-kesan yang tidak memanfaatkan pengguna dari segi label ataupun jenama yang lebih daripada satu yang digunakan oleh syarikat yang telah diluluskan lesen.

KAKITANGAN HOSPITAL - KURSUS/LAYANAN

2. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah] minta Menteri kesihatan menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian pernah menganjurkan kursus kepada kakitangan hospital kerajaan seluruh negara supaya kakitangannya berbudi bahasa ketika melayani masyarakat kampung dengan menggunakan bahasa pertuturan yang lemah-lembut serta berbudi pekerti dalam melayani pesakit kampung; dan
- (b) jika ada aduan dibuat oleh orang ramai, apakah tindakan oleh pihak kementerian terhadap kakitangan hospital yang melayan pesakit dengan kasar.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua jabatan di bawah Kementerian Kesihatan telah diberi arahan supaya mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan berkaitan dengan budaya korporat dan masyarakat penyayang. Di dalam kursus ini penekanan telah diberikan terhadap perkhidmatan penyayang, kerja berkumpulan dan profesionalisme.

Semasa dalam latihan asas terutamanya untuk pelatih-pelatih jururawat telah diajar mata-mata pelajaran

di dalamnya terdapat komponen psikologi, cara hubungan kemanusiaan dan juga hubungan dengan masyarakat dan mata pelajaran ini telah diajar di peringkat dalam peringkat pembelajaran lagi di samping yang turut diadakan secara berkala semasa petugas ini dalam tempat kerja.

- (b) Semua aduan akan disiasat termasuk mendapatkan keterangan daripada kedua-dua pihak dan juga saksi, jika ada. Jika terbukti ada kes dan ianya benar, tindakan akan diambil ke atas kakitangan berkenaan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tahu bahawa kerajaan ataupun jabatan memang sentiasa menghantar pegawai dan kakitangan mereka untuk berkursus supaya mereka ini mempertingkatkan lagi mutu kerja dan sikap mereka terhadap tugas-tugas dan tanggungjawab mereka ini. Saya ingin tahu apakah susulan-susulan yang diambil oleh ketua jabatan atau pegawai kanan yang terlibat dalam disiplin dalam jabatan tersebut untuk menjamin bahawa kakitangan yang telah mengikuti kursus-kursus mempraktikkan apa yang telah dipelajari semasa berkursus.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Pertamanya, di setiap hospital telah digalakkan untuk mengadakan peti-peti aduan yang mana peti-peti aduan ini akan mendapat kandungan-kandungan aduan-aduan yang diterima dan sebelum itu kursus-kursus masyarakat penyayang yang telah dilancarkan pada tahun ini sebenarnya telah pun digalakkan di peringkat-peringkat daerah di mana setakat ini sebanyak 14,620 orang kakitangan jururawat yang telah dilatih dan jumlah aduan yang diikuti perkembangan yang disampaikan ke peringkat hospital itu dibuat kajian, bukan hanya oleh peringkat pengurusan hospital yang berkenaan tetapi di peringkat pengurusan di Ibu Pejabat di Kementerian Kesihatan. Jadi, ini merupakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam isu perhubungan dengan masyarakat tentang pekerja-pekerja dan kakitangan hospital terutama di luar bandar, kita mengucapkan syabas atas usaha kementerian seperti yang dinyatakan tadi.

Tetapi, saya hendak bertanya sedikit. Kadang-kadang yang dihantar bertugas di luar bandar ini,

mereka ini tidak menghayati dari segi adat dan juga menghayati dari segi, macam di luar bandar macam agama Islam. Sebagai contoh, kalau berlaku satu kemalangan sebagaimana telah berlaku di kawasan saya di Rompin, jenazah sepatutnya dikebumikan dalam masa 24 jam dan Doktor di situ tidak tahu tentang kehendak ini dan Hospital Rompin seperti hospital luar bandar yang lain tidak mengendalikan post-mortem pada waktu malam, sebagai contoh. Oleh kerana kurang sensitif ini kepada kehendak-kehendak keadaan setempat dan agama, adakah kementerian khususnya tentang isu post-mortem ini, adakah peraturan-peraturan tertentu supaya mereka ini dihantar yang tidak mengenali kehendak tempatan dan agama ini faham tentang permasalahan ini. Saya minta penjelasan sedikit.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan di peringkat kementerian dan tentang perkara yang berkait dengan amalan bagi mereka yang beragama Islam yang memerlukan mayat itu dikeluarkan dengan segera, kita telah maklumkan kepada pegawai supaya memberi pelepasan dan tindakan khas untuk keperluan ini. Jadi, saya berharap kalau ada keadaan kes di mana para pegawai yang mungkin terlepas pandangan dalam soal ini, perkara ini dapat disegeramaklumkan supaya tindakan ini dapat diambil oleh pihak kementerian.

PENUKARAN WANG SYILING - CAJ RM5

3. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar bahawa baru-baru ini terdapat sesetengah bank tempatan yang mengenakan caj RM5 kepada pelanggan-pelanggan mereka bagi setiap kali penukaran wang syiling, terutamanya di sekitar Klang; dan
- (b) apakah tindakan kerajaan terhadap bank-bank sedemikian yang hanya mementingkan keuntungan diri tanpa menghiraukan kepentingan orang awam.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank Negara Malaysia telah mengarahkan semua institusi kewangan tidak mengenakan caj atau bayaran bagi penukaran wang syiling kepada orang ramai. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk melaporkan pengenaan caj berkenaan kepada Bank Negara Malaysia

untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Bank Negara Malaysia telah meminta Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia menyediakan talian hot-line iaitu 03-2062702 untuk menerima aduan berkaitan dengan duit syiling termasuk pengenaan caj.

Tuan Yang di-Pertua, jika jumlah syiling yang banyak dan perlu ditukar, maka bank-bank perdagangan adalah dikehendaki menyediakan satu kaunter khas bagi memudahkan pelanggan mereka yang memerlukan perkhidmatan tersebut dan dalam kes seumpama ini institusi kewangan boleh mengenakan caj kepada pelanggan seperti PLUS, Metramax dan sebagainya yang membuat banyak penukaran wang syiling dalam jumlah yang banyak. Caj yang berkenaan adalah berdasarkan kepada kos yang dibelanjakan berhubung dengan pengiraan duit syiling.

- (b) Persatuan Bank-Bank Malaysia dengan nasihat Bank Negara Malaysia telah membuat peraturan mengenai pengenaan caj kepada pelanggan oleh bank. Sekiranya peraturan tersebut dilanggar, maka tindakan yang bersesuaian boleh diambil terhadap bank berkenaan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kita menghadapi masalah kekurangan wang syiling dalam pasaran?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara mempunyai stok duit syiling yang mencukupi. Sebenarnya pada bulan Januari 1997 hingga 9 September 1997, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan duit syiling RM1 sebanyak 117.3 juta keping, bagi duit syiling denominasi kecil yang lain, Bank Negara telah mengeluarkan 21.5 juta keping duit syiling 50 sen dan 35.2 juta keping duit syiling 20 sen dalam tempoh yang sama bagi menampung keperluan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa permintaan untuk kedua-dua duit syiling berkenaan adalah agak tinggi, maka Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan pengeluaran duit-duit syiling berkenaan untuk bersiap sedia pada hari-hari perayaan dan juga untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah nilai syiling yang terdapat dalamedaran pada 18 Oktober tahun ini ialah:

<u>SYILING</u>	<u>NILAI DIKELUARKAN</u>
1 sen	17.2 juta
5 sen	59.9 juta
10 sen	179.6 juta
20 sen	218.4 juta
50 sen	182.4 juta
1 Ringgit	630.1 juta
5 Ringgit	1.7 juta

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Orang ramai merungut tentang saiz, tebal dan berat wang syiling Satu Ringgit yang digunakan sekarang. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang menukar wang syiling tersebut kepada saiz yang lebih kecil sebagaimana yang digunakan oleh negara-negara maju dan jika ya, bila?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia tidak bercadang hendak menukar saiz syiling satu Ringgit.

SURAT HAK MILIK STRATA - PENGELUARAN

4. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan pengeluaran surat hak milik strata unit-unit rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium seluruh negara yang mana selama ini memakan masa lama untuk dikeluarkan dan menimbulkan pelbagai masalah kepada pemilik-pemilik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa mengawasi pelaksanaan Akta Hak Milik Strata di peringkat negeri dan telah mengenalpasti punca-punca kelewatan pengeluaran hak milik strata.

Mengikut kajian yang dibuat, kelambatan berlaku di pelbagai peringkat pemprosesan permohonan untuk hak milik strata dan disebabkan oleh watak-watak utama termasuklah pemaju sendiri, juruukur tanah berlesen, pejabat tanah, jabatan ukur, pengarah tanah dan galian dan pendaftar hak milik tanah. Sehubungan dengan ini, kementerian ini telah merangkakan pelan tindakan bagi mengawasi kelewatan mengeluarkan hak milik strata.

Langkah-langkah yang termaktub dalam pelan tindakan ini termasuklah:

- (i) menubuhkan Unit Hak Milik Strata di Pejabat Tanah dan Galian di negeri-negeri yang mempunyai banyak bangunan berbilang tingkat. Unit ini dianggotai oleh seorang pegawai dan dua orang kerani;
- (ii) mempertingkatkan tahap kefahaman dan pengetahuan kakitangan Unit Hak Milik Strata mengenai peruntukan-peruntukan undang-undang hak milik strata melalui kursus, latihan dan juga ceramah;
- (iii) mengeluarkan pekeliling-pekeliling KPTG mengenai tindakan-tindakan untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata, carta aliran kerja, senarai semakan dan format untuk merekod kemajuan pemprosesan permohonan untuk hak milik strata. Seterusnya juga melaksanakan one-stop-agency di negeri-negeri untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata. Melalui projek perintis ini yang dilaksanakan di Pulau Pinang mulai 1 Julai 1993, hak milik strata dapat dikeluarkan dalam tempoh enam bulan;
- (iv) memberi khidmat nasihat mengenai hal-hal strata kepada pejabat tanah, jabatan lain dan juga orang awam;
- (v) membuat lawatan ke bangunan-bangunan berbilang tingkat yang menghadapi masalah;
- (vi) menggalakkan pembeli-pembeli petak yang belum mendapat hak milik strata supaya membuat aduan terhadap pemaju-pemaju yang berkenaan; dan
- (vii) mengadakan perjumpaan dengan pemaju dan juga pembeli untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi dan cara mencari penyelesaiannya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini agak bosan sedikit kerana selalu timbul dalam Dewan ini tetapi ia memerlukan perhatian berat kerana sebagai seorang wakil rakyat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, mukadimah sedemikian tidak perlu, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ya, ya. Memang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Menyampuk dalam bahasa Cina]

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat, Timbalan Speaker pun faham kerana di kawasan bandar kami sebagai wakil rakyat selalu menerima aduan daripada beribu-ribu pembeli flat, apartment atau kondo [Sorak] maka persoalan saya ialah, sekarang tutup mulut ya. [Ketawa] Sabar!

Persoalan saya ialah sejak Akta Hak Milik Strata berkuatkuasa pada tahun 1985 dan juga kerajaan pun sering mengulangi jaminan bahawa pengeluaran hak milik strata ini akan dipercepatkan, [Disampuk] tetapi mengapakah masalah tuntutan hak milik strata masih serius dan saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah unit bangunan berbilang tingkat di seluruh negara, baik swasta mahupun kerajaan yang belum lagi memperolehi surat hak milik strata dan mengapakah masih didapati banyak pemaju yang ingkar memohon hak milik dan apakah tindakan yang pernah diambil bagi menghukum pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ahli DAP sangat berminat dengan soalan berkenaan dengan hak milik strata. Soalan yang diutarakan sebagai soalan tambahan tadi pernah disoal oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak berapa lama dahulu. Tetapi walau bagaimanapun untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Cheras, setakat ini permohonan hak milik strata di Semenanjung Malaysia yang telah diterima ialah sebanyak 2,544; yang lulus ialah 1,342; yang ditolak 290; yang dalam proses ialah 911; dan kesemuanya yang telah kita daftar dalam buku daftar strata ialah 811; dan hak milik strata yang telah dikeluarkan ialah sebanyak 65,245 unit.

Berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi di dalam memberi hak milik strata ini ada pelbagai faktor termasuklah faktor ada pemaju yang lari, ada juga soal persempadanan, soal juru ukur dan juru ukur bertauliah yang mungkin tidak cukup dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil berat tentang hal ini dan sedang mengkaji untuk memperkemaskan lagi mekanisme supaya hak milik strata ini dapat dikeluarkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan adalah berkenaan dengan one-stop-agency. Selain daripada projek perintis di Pulau Pinang di mana satu one-stop-agency ditubuhkan, berapa negeri yang lain yang akan

mengadakan one-stop-agency ini dan daripada projek perintis itu, apakah prestasi one-stop-agency ini, sama ada dapat mencapai matlamat yang dituju itu.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, one-stop agency ini merupakan satu mekanisme yang telah dibentuk di Pulau Pinang dan setakat ini di negeri Pahang juga, bermakna dua negeri di Semenanjung Malaysia. One-stop-agency ini merupakan satu mekanisme di mana satu jawatankuasa dibentuk untuk memproses permohonan-permohonan berkenaan dengan hak milik strata dan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian di negeri yang berkaitan dan dianggotai oleh timbalan pengarah, pengarah ukur dan juga pegawai-pegawai pentadbir yang lain. One-stop-agency ini juga merupakan sekretariat di mana pemprosesan dibuat di bawah komiti ini dan setakat ini kementerian amat berpuas hati dengan prestasi jawatankuasa yang tersebut.

USAHAWAN MENENGAH BUMIPUTERA - LANGKAH MENINGKATKAN BILANGAN

5. **Tuan Haji Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah yang menjadi batu penghalang atau benteng kepada usaha kementerian untuk membanyakkan bilangan usahawan menengah bumiputera. Adakah tindak-tanduk Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Pemborong Melayu diperlihatkan tidak membantu dalam usaha ini.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sejak program melahirkan lebih ramai usahawan menengah bumiputera khususnya golongan menengah bumiputera diumumkan oleh kerajaan pada awal tahun ini, Kementerian Pembangunan Usahawan telah menjadikan ini sebagai satu program utama di kementerian. Secara umumnya kita tidak menghadapi masalah besar dalam melaksanakan program ini. Ia melibatkan kerjasama di antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, melibatkan juga agensi-agensi pusat, agensi kerajaan negeri dan juga sektor swasta.

Kita telah pun melalui peringkat pertama iaitu perancangan program dan sekarang ini kita telah pun berada di dalam peringkat melaksanakan program-program yang telah dilaksanakan. Insya-Allah, pada hujung tahun ini, kita akan memulakan program pemantauan ataupun monitoring program-program yang telah pun kita perkenalkan.

Pendekatan yang diambil ialah untuk memperkuat program-program yang sedia ada, baik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat mahu pun kerajaan negeri yang melibatkan juga di peringkat kerajaan negeri usaha-usaha oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, di peringkat Kerajaan Pusat melibatkan kesemua kementerian dan agensi kerajaan termasuklah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, MARA, UDA, SEDC dan lain-lainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita akan memperkuat juga program-program sedia ada seperti vendor dan francais serta program untuk membina lebih banyak lagi ruang niaga di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada hujung tahun ini kita akan mendapat perangkaan yang lebih terperinci mengenai kejayaan program ini setelah ia dilaksanakan kira-kira enam bulan yang lalu. Mengenai kerjasama daripada Dewan Perniagaan Melayu dan juga Persatuan Pemborong Melayu, saya ingin menyatakan bahawa memang kami bekerjasama rapat dengan mereka. Ada beberapa program khusus yang diusahakan bersama antara pihak kementerian dan Dewan Perniagaan Melayu, umpamanya Program Usahasama Tulen dengan Dewan Perniagaan Melayu dan Cina dan India juga kami bersama-sama dengan Dewan Perniagaan Melayu sedang mengenalpasti beberapa syarikat gergasi bumiputera yang boleh membimbing golongan usahawan menengah bumiputera. Ini dalam perancangan.

Berkaitan dengan Persatuan Pemborong Melayu pula, kita telah mengadakan satu program bersama pada hujung tahun lepas di mana salah satu resolusinya ialah untuk menubuhkan rangkaian bekalan bahan binaan yang diusahakan oleh bumiputera. Perancangan berada pada tahap yang menggalakkan dan pada masa ini rancangan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang sedang diusahakan oleh Guild of Bumiputera Contractors iaitu syarikat-syarikat di bawah kumpulan wibawa sedang giat dilaksanakan dan kita menjangkakan pada awal tahun depan, rangkaian membekalkan bahan binaan bumiputera sebuah syarikat akan dapat ditubuhkan oleh Guild of Bumiputera Contractors.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan program dan kalau mengikut Belanjawan, kerajaan akan memperuntukkan RM1 bilion untuk membangunkan IKS dan juga masyarakat menengah ini tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa program ini agak

perlahan dari segi prosesnya, dari segi perjalanannya dan kita dapati bahawa banyak syarikat induk yang dikuasai terutama sekali oleh syarikat-syarikat Jepun, tidak memberi kerjasama kepada pengusaha-pengusaha bumiputera untuk mewujudkan industri bantuan kepada syarikat-syarikat induk kerana mereka ini adalah golongan menengah. Jadi, apakah pihak kementerian akan mengambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha besar ini supaya memastikan bahawa setiap komponen atau barang-barang yang dikeluarkan di dalam negara kita ini dipertingkatkan dan diberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan kerana ini adalah pasaran yang tetap. Jadi, kadang-kadang pihak syarikat Jepun itu sendiri...

Ahli-ahli Pembangkang: Soalan!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini soalanlah! You tidak tahu bahasa Malaysiakah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bercakap dalam loghat Cina]* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Balik kepada soalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, Kepong baru balik. *[Ahli Yang Berhormat dari Kepong masuk Dewan dan mengangkat tangan]* *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ini Taiwan punya Parlimenakah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ingat ini Taiwan punya Parlimenakah? *[Ketawa]* Jadi, adakah pihak kementerian dengan peruntukan yang sebegitu banyak ini dapat membanyak dan mempercepatkan lagi kewujudan pengusaha-pengusaha menengah ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan sebuah dana baru bernilai RM1,000 juta untuk memesatkan lagi pembangunan Industri Kecil dan Sederhana dan saya yakin bahawa dengan adanya dana ini akan mempercepatkan lagi pembangunan IKS khususnya melahirkan lebih ramai golongan usahawan menengah bumiputera. Memang diakui bahawa progres ataupun kemajuan agak perlahan sebagaimana kata Yang Berhormat dari Yan tadi.

Jadi, sebab itulah kerajaan pada tahun lepas telah memperkenalkan Industrial Master Plan yang kedua

di mana salah satu daripada peningkatan ialah untuk mengadakan satu, apa yang dipanggil, Industrial Linkage Programme yang mana rantaian antara syarikat besar dan kecil dalam negara akan diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya dana yang besar ini, maka kita akan memperhebatkan usaha untuk mewujudkan rantaian yang lebih baik, lebih kemas antara syarikat luar negara dengan syarikat dalam negeri khususnya dalam golongan vendor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini di bawah program kementerian, kita ada 74 buah syarikat anchor iaitu syarikat-syarikat luar negeri yang menyertai Program Vendor. Di antara 74 ini, 30 buah merupakan syarikat-syarikat dari Jepun. Bilangannya besar tetapi kecil dari satu perspektif kerana keperluan kita adalah lebih banyak daripada itu. Oleh itu kita akan meneruskan usaha-usaha untuk mempercepatkan lagi Program Vendor ini.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kita baca dalam akhbar-akhbar baru-baru ini, Kerajaan Negeri Pahang umpamanya, telah pun mengambil langkah untuk memperhebatkan Program Vendor dengan melibatkan MEC - sebuah syarikat mengeluarkan barangan keperluan rumah yang terletak di Kuantan, Pahang dan dengan adanya usaha gigih Kerajaan Negeri Pahang, kita yakin juga ini akan membantu untuk memperbanyakkan lagi syarikat-syarikat tempatan yang membekalkan komponen kepada syarikat-syarikat gergasi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kementerian untuk menolong ahli-ahli perniagaan, tidak adakah syarat-syarat tertentu ataupun nasihat-nasihat supaya apabila ahli-ahli perniagaan ini berjaya, dia tidak akan saman menteri ataupun timbalan-timbalan menteri? *[Ketawa]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: *[Ketawa]* Pendek soalnya. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum lagi ada syarat sedemikian tetapi kita bersyukur kerana perkembangan terakhir menunjukkan bahawa isu ini sedang diatasi. Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dato' S'ng Chee Hua.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dato' S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]

MAS - DESTINASI BARU

7. Dato' Hj. Mohd. Zihin bin Hj. Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Pengangkutan menyatakan destinasi-destinasi MAS yang baru yang telah setuju oleh negara-negara asing.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, destinasi-destinasi penerbangan baru yang telah dipersetujui oleh negara-negara asing bagi Kerajaan Malaysia bagi tahun 1996 dan 1997 adalah seperti berikut:

- (i) Vancouver, Kanada;
- (ii) Zagreb, Croatia;
- (iii) Port Moresby, Papua New Guinea;
- (iv) Almaty, Kazakhstan;
- (v) Beirut, Lebanon;
- (vi) Shanghai dan Xiamen, Republik Rakyat China;
- (vii) Subic Bay di Filipina;
- (viii) Helsinki, Finland;
- (ix) Semua destinasi di Amerika Syarikat selain dari Los Angeles dan San Francisco yang telah diperolehi dahulu;
- (x) Okayama dan Niigata di Jepun; dan
- (xi) Ljubljana, Slovenia.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Ada perjanjian di antara Amerika Syarikat dan Malaysia mengatitkan satu dasar iaitu Open Sky Policy dan hingga sekarang ini kita belum melihat lagi di manakah tempat-tempat di Amerika yang kita akan dapat hak mendarat bagi MAS dan berapakah ongkos kerajaan kerana mendapatkan hak mendarat untuk MAS?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam perjanjian Open Sky Policy di antara Malaysia dan Amerika Syarikat penerbangan dari Malaysia apa-apa pun syarikat penerbangan boleh pergi ke Amerika Syarikat di mana-mana lapangan terbang untuk mendarat. Begitu juga, mana-mana syarikat penerbangan daripada Amerika Syarikat boleh datang ke Malaysia dan mendarat di mana-mana lapangan terbang yang mereka pilih dan ini memberi keuntungan kepada Malaysia oleh kerana jika ramai pelancong ataupun kapal terbang

dari Amerika datang ke negara kita, maka lebih banyak lagi keuntungan diperolehi oleh kerana penduduk Amerika lebih ramai daripada penduduk Malaysia dan perjanjian ini walaupun telah dipersetujui tetapi masih lagi menunggu berapa banyak kapal terbang yang akan datang dan juga kita di Amerika, kita boleh mendarat di mana kita suka.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri memberitahu senarai destinasi yang telah diluluskan tetapi tidak pernah didarati dan juga memberi destinasi yang pernah MAS mendarati tetapi kerana tidak viable dan telah dibatalkan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Antara tempat-tempat yang saya sebut tadi yang belum lagi kita pergi mengikut laporan yang ada pada saya ialah di Kazakhstan, Shanghai, Xiamen, Subic Bay, Filipina dan juga Slovenia, Okayama dan Niigata di Jepun dan juga lapangan-lapangan terbang lain di Amerika Syarikat selain daripada Los Angeles.

ROKOK - PERANGKAAN JUALAN

8. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan perangkaan jualan rokok bagi tahun 1995, 1996 dan 1997 hingga 30 September, 1997. Apakah ianya berkurangan akibat kempen anti-merokok yang semakin luas perangkumannya di tempat-tempat awam. Jika tidak, mengapa.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia tiada mempunyai sebarang maklumat tentang perangkaan jualan rokok bagi tahun-tahun yang ditanyakan. Namun begitu, berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa, ternyata dari tempoh 1985 hingga 1995 terdapat trend peningkatan merokok di kalangan mereka yang berumur 15 tahun ke atas.

Kempen antimerokok yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan sehingga kini termasuk perluasan kawasan larangan merokok belum lagi menampakkan kesan yang ketara kerana perubahan tingkah laku merokok memang memakan masa yang lama. Namun begitu, bilangan mereka yang merokok di tempat-tempat awam yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok sudah agak berkurangan ekoran daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian akan mengadakan satu program khas di bangunan Parlimen kerana di sinilah di mana kita memupuk atau melancar kempen dan

di sini saya perhatikan bahawa banyak menteri dan timbalan menteri telah menyalahgunakan kawasan Parlimen, sungguhpun ada banyak papan tanda yang mengatakan 'Dilarang Merokok' tetapi mereka tetap merokok. Kalau begitu macam mana kita boleh galakkan amalan merokok ini diharamkan. Saya boleh sebutkan nama Ahli-ahli Parlimen yang sering merokok tetapi saya tidak mahulah [Sorak]....

Seorang Ahli: Sebutlah, sebutlah, sebut.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah ini kita pastikan ia dibuat demikian. Bukan sahaja untuk memastikan bahawa kempen antimerokok ini boleh berjaya, selain daripada kurangkan jerebulah, tetapi untuk memastikan kesihatan Ahli-ahli Parlimen dan juga pemimpin negara kita bolehlah terjamin.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan supaya kita semua bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan kesihatan awam dan saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak memerlukan satu program khas sebab kalau memerlukan satu program khas, saya sendiri boleh ada satu kad kuasa yang dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan tetapi saya belum nampak lagi keadaan tabiat Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada menjejaskan.

Namun demikian, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri daripada kerjasama yang telah mereka tunjukkan untuk mengadakan kempen-kempen secara lebih meluas di kawasan mereka masing-masing dan di samping itu juga kementerian sendiri akan memperkenalkan satu Program Berhenti Merokok. Jadi, saya sarankan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang will-power kerana sebagai pemimpin kita kena menunjukkan teladan, silalah register dalam Program Berhenti Merokok ini kerana ini akan dilaksanakan pada tahun 1998 [Sorak] Itu termasuk dalam kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang - tidak terkecuali.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi, ada menyebut bahawa trend merokok bertambah di kalangan yang berusia 15 tahun ke atas. Jadi, kementerian sedang berusaha untuk mengadakan Kempen Anti-Merokok. Jadi, apakah tumpuan yang sebenarnya Kementerian Kesihatan? Adakah kempen ini fokusnya kepada orang yang belum merokok ataupun fokusnya kepada golongan yang sedang merokok dan dikempen untuk berhenti merokok? Jadi, yang mana satu supaya kita dapat faham targetnya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan bahawa Kementerian Kesihatan bertanggungjawab merawat dan menjaga kepentingan kesihatan awam dan kita tidak boleh menyekat orang yang hendak merokok kerana itu soal control diri. Jadi, yang penting ialah kita mengenakan keadaan tindakan seperti mengawal tempat-tempat larangan merokok dan setakat ini akibat daripada tindakan kementerian usaha-usaha penguatkuasaan itu telah dapat dijalankan dengan lancar dan berjaya yang ditumpukan secara menyeluruh terhadap kumpulan yang merokok seperti yang didapati di setiap negeri kita telah mengenakan target dengan mengeluarkan kompaun sebagai sasaran untuk menentukan ada kesan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak kementerian dan setakat ini di seluruh negara yang telah dijalankan terdapat pencapaian yang memuaskan akibat daripada kempen mengurangkan kesan merokok ini di peringkat negeri-negeri.

Di samping itu juga, kita mengharapkan supaya dari masa ke semasa orang ramai sendiri dapat bersama-sama memberi kerjasama dengan Kementerian Kesihatan terutamanya bagi memastikan supaya tabiat merokok ini tidak dijadikan sebagai amalan di kalangan yang masih muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datuk Abu Seman bin Haji Yusof.

[Soalan No. 9 - Y.B. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Megat Junid yang baru sahaja balik dari Jakarta yang telah berhasil mencapai lebih daripada target. *[Sorak]*

Seorang Ahli: Nak 'jek'kah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Itulah gentleman! *[Ketawa]*

AMALAN KOLONIAL - CADANGAN MENGHAPUSKAN

10. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang menghapuskan segala undang-undang dan amalan

kolonial yang lalu di negara ini memandangkan negara telah merdeka hampir menjelang setengah abad dan bagi memerdekakan rakyat dan negara secara sempurna dan sewajarnya dalam aspek ekonomi intelek, budaya, moral dan politik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, tidak semua undang-undang dan amalan yang ada di negara ini mempunyai mentaliti kolonial. Selagi sesuatu undang-undang dan amalan itu sesuai dengan masyarakat dan keadaan semasa, undang-undang atau amalan tersebut tidak perlu digantikan sematamata kerana undang-undang atau amalan itu telah dibuat atau diamalkan semasa zaman penjajah. Mana-mana undang-undang yang perlu dipinda atau dimansuhkan akan dipinda atau dimansuhkan. Ini telah dilakukan sejak merdeka lagi secara beransur-ansur dan apabila didapati patut dibuat demikian.

PROGRAM BELIA DI JALAN RAYA - HASRAT KERAJAAN

11. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana Program Belia di Jalan Raya anjuran Gerakan Belia 4B Malaysia dengan kerjasama beberapa pihak lain yang dilaksanakan di Hulu Langat berjaya menurunkan jumlah kemalangan kira-kira 26 peratus dalam masa enam bulan kajian dijalankan (oleh perunding kementerian), adakah kementerian berhasrat menjadikan program ini sebagai kempen besar-besaran di seluruh negara. Jika ya, bilakah akan dilaksanakan. Jika tidak, apakah pilihan lain yang telah dirancang.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Program Belia di Jalan Raya yang dilaksanakan di Hulu Langat mencapai kejayaan, setakat ini belum ada rancangan untuk menjadikan program ini sebagai kempen secara besar-besaran. Bagaimana pun kempen ini masih lagi disambung sehingga hujung tahun ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Badrul Hisham kerana beliau mengetuai program ini.

Namun demikian, menyedari akan hakikat bahawa penunggang/pembonceng motosikal adalah merupakan golongan yang paling terdedah kepada gejala kemalangan jalan raya, maka kerajaan telah pun mengatur program kempen keselamatan penunggang motosikal meliputi tempoh 1997-1999 bagi seluruh negara. Seperti mana kita sedia maklum, kempen ini telah pun dilancarkan doleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 September 1997 yang lalu dan kita berharap semua pihak di peringkat negeri dan juga pertubuhan sukarela dan sektor swasta, diharap juga pemimpin-pemimpin masyarakat akan dapat memberikan sokongan yang padu dengan menganjurkan program kempen ini di kawasan masing-masing dari masa ke semasa sepanjang tempoh diadakan sehingga berakhir tahun 1999.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lumba haram motosikal dan kereta masih merupakan satu masalah besar dalam kemalangan jalan raya. Jadi, soalan saya ialah apakah cadangan konkrit oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Bagi mengatasi perlumbaan motosikal haram di jalan raya, kementerian dengan kerjasama pihak polis dan juga JPJ sentiasa mengadakan rondaan dan juga mengadakan road-block ataupun penahanan di waktu malam khususnya di jalan-jalan yang dikenalpasti di mana belia-belia suka berlumba motor haram dan kita juga menyokong sektor sukarela ataupun sektor swasta yang menaja ataupun melaksanakan perlumbaan motor di litar terus Shah Alam di Batu Tiga seperti yang telah dianjurkan oleh pihak motosikal Suzuki dan juga motosikal Modenas dengan kerjasama ataupun dianjurkan oleh Gerakan Belia 4B Malaysia dan ditaja oleh Modenas dan kita berharap belia-belia yang suka berlumba haram dapatlah datang ke litar motor Shah Alam pada setiap hari Jumaat malam Sabtu bagi lumba anjuran 4B dengan tajaan Modenas dan juga hari Sabtu malam Ahad yang ditaja oleh Suzuki.

Kita berharap di situ mereka boleh berlumba dan kalau jatuh pun ada doktor sedia menunggu untuk merawat dengan segera dan sambutan setakat ini nampaknya baik, lebih kurang 1,000 orang datang pada setiap malam perlumbaan dan lebih kurang 200 motosikal boleh berlumba di malam-malam berkenaan dan daripada rekod yang dicatat oleh Litar Lumba Shah Alam bahawa jumlah mereka yang berlumba haram di sekitar Shah Alam telah berkurangan semanjak spring ini diadakan di Litar Batu Tiga Shah Alam.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana banyak syarikat dan orang awam sedar untuk kita mengadakan Kempen Kesedaran supaya mengelakkan kemalangan jalan raya tetapi adakah Yang Berhormat sedar kadang-kadang kemalangan ini juga disebabkan oleh kesilapan pembinaan jalan

ataupun penyenggaraan jalan yang tidak begitu sempurna. Contohnya, kadang-kadang di musim hujan, lubang ada di depan, kita tidak tahu ada lubang kerana ditakung air, jadi motor ini ia termasuk ke dalam lubang, terbalik dan kereta atau lori datang berlanggar. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar ini juga dan berapa peratuskah kemalangan-kemalangan yang disebabkan oleh kurangnya penyenggaraan jalan raya ataupun disebabkan tidak sempurnanya pembaikan atau pembinaan jalan raya itu?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebelum itu tadi saya hendak sambung sedikit, saya terlupa. [Ketawa] Anjuran di Litar Shah Alam itu juga dengan kerjasama Shah Alam Motor Paradise (SAMP) kerana mereka sama-sama menganjurkan, saya tidak sebut, nanti susah juga ya.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Yan berkaitan dengan peratusan, lebih kurang 2% sahaja kemalangan jalan raya disebabkan oleh kerana jalan rosak, berlubang ataupun papan tanda dan sebagainya. Dan kita telah meminta jabatan-jabatan yang terlibat seperti majlis-majlis kerajaan tempatan dan juga JKR dan juga mana-mana agensi yang terlibat dengan mana-mana pengorekan jalan misalnya Telekom, TNB, JKR, Bandaraya supaya lebih berhati-hati lagi pada masa hadapan dan nampaknya tindakan telah diambil. Bagaimana pun masih juga ada di tempat-tempat yang tertentu perkara-perkara begini masih berlaku dan kerajaan berharap ianya akan dapat diperbaiki lagi dari masa ke semasa sehingga angka peratus ini dapat dikurangkan bawah daripada 2%.

KELAPA SAWIT - PURATA HASIL

12. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah purata hasil kelapa sawit yang akan dihasilkan bagi setiap satu ekar kelapa sawit yang ditanam semula di Skim Tanam Semula FELDA; dan
- (b) adakah kementerian sedar akan hasil yang begitu rendah yang dihasilkan oleh Ladang Kelapa Sawit Tanaman Semula di FELDA Seberang Tayur, Kemaman. Jika sedar, apakah sebab-sebabnya. Adakah kerajaan dapat menimbang untuk diserahkan pengurusan ladang ini kepada peneroka berkenaan supaya ianya dapat diuruskan dengan lebih baik.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, pengeluaran hasil sawit di kawasan tanam semula bergantung kepada faktor kesuburan tanah, cuaca dan pengurusan. Pada kebiasannya hasil sawit bagi kawasan baru adalah seperti berikut. Tahun pertama 2.47 tan bagi satu hektar, tahun kedua 8.9 tan bagi satu hektar dan tahun ketiga 15.57 tan.

FELDA memulakan program tanam semula sejak pertengahan tahun 80-an lagi. Pada mulanya selepas kerja tanam semula disediakan kawasan kebun diserahkan semula kepada peneroka tetapi didapati pengurusan kebun tidak begitu berjaya kerana ramai peneroka uzur, janda, bekerja luar dan tidak dapat menguruskan kebun dengan baik. Sebahagiannya pula mengupahkan kerja kepada buruh yang mengeksploitasi peneroka.

Pada tahun 1991 dalam Seminar Peneroka Peringkat Nasional, keputusan telah dibuat supaya pengurusan FELDA mengendalikan urusan tanam semula dan seterusnya selepas pokok berhasil. Pada tahun 1992, FELDA mula menguruskan tanam semula dengan cara melantik anak syarikat FELDA iaitu Felda Agricultural Services Sdn. Bhd. (FASSB) sebagai ejen pengurusannya.

FELDA Seberang Tayor ditanam semula pada tahun 1990 iaitu sebelum Program Tanam Semula Pendekatan Baru dilaksanakan. Pada masa itu sebahagian peneroka telah bersetuju ditanam sawit dan sebahagian kekal dengan tanaman asal iaitu getah. FELDA telah menguruskan tanaman semula hingga selesai dan diserahkan kepada peneroka apabila siap ditanam. Oleh kerana sebahagian peneroka menghadapi masalah umur tua dan ada di kalangan mereka janda, mereka telah bersetuju kebun diuruskan secara berkelompok kecuali seorang di peringkat I dan lapan orang peneroka di peringkat INI. Pengurusan rancangan telah mengaturkan supaya koperasi peneroka FELDA Seberang Tayor sendiri dilantik sebagai pemborong menguruskan kebun mereka secara berkelompok.

Difahami bahawa koperasi menghadapi sedikit masalah tenaga kerja dalam menguruskan kebun tersebut. Hasil tidak dapat dikeluarkan sepenuhnya. Oleh itu, prestasi sebenar tidak diperolehi, namun demikian purata hasil yang dikeluarkan adalah seperti berikut. Pada tahun Pertama iaitu tahun 1995 anggaran tan sehektar ialah pada peringkat I; 8 tan tetapi pada peringkat II ialah 7.8 tan tetapi hasil sebenarnya ialah pada tahun I; 6.9 tan dan pada peringkat II 3.49 tan. Pada tahun Kedua anggarannya ialah pada peringkat I; 16.49 tan dan pada peringkat II ialah 15.08 tan tetapi hasil sebenarnya ialah 10.98 dan pada peringkat II; 8.21. Pada tahun Ketiga pula iaitu tahun 1997 anggaran

sebenarnya ialah 6.71 tan bagi sehektar, peringkat II ialah 7.8 tan tetapi hasil sebenarnya bagi peringkat I ialah 6.66 tan dan peringkat II ialah 7.58 tan.

Oleh kerana peneroka tidak puas hati dengan pencapaian kerja-kerja yang dilakukan oleh koperasi rancangan, Pengurus Rancangan telah pun memberi notis supaya koperasi memberhentikan kontrak. Kebun peneroka akan diserahkan semula untuk diurus secara individu mulai 1 Disember 1997.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masa kini peneroka di FELDA yang menanam pokok getah sedang menghadapi masalah ekoran harga getah yang makin rendah. Soalan saya, apakah dapat dirancangkan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk melegakan masalah mereka?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu terkeluar daripada soalan asal tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, baik.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada waktu ini peneroka-peneroka FELDA khususnya terkadang-kadang merasakan tidak mahu bekerja sebab harga sawit telah menurun, ditambah pula dengan masalah-masalah dikhabarkan bahawa tanah mereka akan diambilalih oleh syarikat Melayu ataupun syarikat daripada Kuala Lumpur. Saya ingin tahu apakah tindakan daripada pihak Kementerian bagi memulihkan semangat angan-angan mat jenin golongan peneroka ini yang pada waktu ini tidak lagi menuai hasil sawit mereka, malah duduk di kedai kopi berangan-angan untuk menjadi jutawan segera.

Di samping itu, adakah rancangan pihak Kementerian untuk menjodohkan golongan ibu tunggal ini dengan duda, yang masing-masing peneroka, supaya tanah dan hasil mereka ini dapat dikeluarkan dari masa ke semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan ini pun terkeluar juga. [Ketawa]

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak jawabkah?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Jawab sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bahagian yang terkeluar itu, tidak payahlah.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal peneroka dan Kementerian sentiasa memberi khidmat nasihat kepada peneroka-peneroka dari masa ke semasa.

BANK NEGARA - DEPOSIT BERKANUN

13. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Kewangan menyatakan deposit berkanun atau Bank Negara dan lain-lain bank. Apakah base lending rate, pelunasan, butir-butir kadar faedah. Bagaimana kadar faedah dihitungkan tanpa menjejaskan kepentingan para pelanggan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, semua institusi kewangan dikehendaki menyimpan rizab berkanun, dengan izin, SRR dengan Bank Negara Malaysia sebanyak 13.5% dari jumlah liabiliti yang layak. Bank perdagangan dan syarikat kewangan dikehendaki mematuhi keperluan nisbah kecairan purata masing-masing sebanyak 17% dan 10%.

Tuan Yang di-Pertua, kadar maksimum pemberian pinjaman asas ataupun dengan izin, BLR pada bulan Oktober 1997 bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan ialah masing-masing 9.57% dan 11.33%. Institusi kewangan hanya dibenarkan mengenakan kepada pinjaman kadar faedah maksimum sebanyak 4 mata peratusan di atas BLR institusi kewangan berkenaan.

Di bawah rangka kerja BLR yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia, bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah bebas menetapkan BLR mereka sendiri pada sebarang kadar di bawah had BLR maksimum yang dihitung bertujuan persaingan di antara institusi perbankan dan memberi kelonggaran untuk bank-bank mengikut strategi pemberian pinjaman masing-masing. Pengiraan BLR yang dihitung adalah berdasarkan kadar faedah purata berwajaran antara bank tiga bagi bulan sebelumnya diselaraskan dengan kos rizab berkanun dan deposit akaun semasa serta ditambah dengan margin kos pentadbiran, dengan itu BLR akan menjadi lebih responsif kepada keadaan mudah tunai dan menambahkan keberkesanan dasar sektor kewangan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bank perdagangan dan syarikat kewangan bebas

menetapkan BLR mereka. Adakah terdapat BLR yang ditetapkan oleh syarikat kewangan itu melonjak terlalu tinggi dari formula yang ada dan apakah formula yang digunakan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, formula yang digunakan itu ialah purata Klibor untuk tiga bulan akhir ataupun tiga bulan interbank rate, darab satu tolak nisbah rizab berkanun, darab 0.8 campur 2.5%. Bank Negara Malaysia tidak menetapkan sebarang had ke atas kadar interbank (interbank rate).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 32 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut."
[17 Oktober 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ujian asid Belanjawan 1998

adalah sama ada ianya berupaya memulihkan keyakinan para pelabur demi menangani dwi-krisis Ringgit dan pasaran saham.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah mengakui perkara ini dalam ucapan belanjawannya di mana beliau menekankan bahawa, saya petik, 'Cabaran terbesar ekonomi semasa ialah untuk tambah mengukuhkan asas-asas ekonomi dan keyakinan'.

Seperti biasa, media massa tempatan telah memaparkan tajuk utama yang sungguh berseri mengenai belanjawan 1998 ini, contohnya tajuk utama *New Straits Times* adalah "A confidence boosting national Budget for 1998", *Star* "Good Mix - Anwar unveils confidence-boosting measures", *Sun* "Confidence boost" dan *Business Times* "A necessary prescription".

Menteri-menteri Barisan Nasional seperti Presiden MCA, Presiden GERAKAN dan Presiden MIC berlumba-lumba untuk memuji belanjawan ini sebagai, dengan izin, 'painless way to overcome current economic problems'. Malah Presiden MCA menghuraikannya sebagai 'satu lagi belanjawan yang baik dan penyayang'.

Penyuaraan pujian-pujian berseri oleh para pemimpin BN serta media massa selepas pembentangan belanjawan merupakan perkara tahunan (an annual event). Sebagai contohnya, pada bulan Oktober lepas, Belanjawan 97 dilanggankan sebagai 'Belanjawan Rakyat' oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dikatakannya, saya petik, 'satu belanjawan bersiap sedia untuk abad seterusnya' (the budget to set the tone for the next century) dan akan menangani 'sesetengah kekhuatiran utama dan membolehkan kita maju ke abad seterusnya'.

Dalam Ucapan Belanjawan 1997nya, ini petikan, 'Semua asas ekonomi Malaysia utuh kecuali imbalan pembayaran. Jangan kita gawat dengan masalah ini. Kesulitan dalam imbalan pembayaran perlu dilihat sebagai "birth pangs of a new economic era". Yang hendak kita lahirkan ialah ekonomi abad ke-21'.

Pada masa itu, Belanjawan 1997 telah mendapat pujian sepenuhnya dari semua Menteri Kabinet serta semua sektor. Bagaimanapun, Belanjawan 1997 bukan sahaja gagal untuk menetapkan nada atau set the tone untuk abad seterusnya, malah gagal untuk menetapkan nada untuk tempoh 12 bulan seterusnya. Apa yang dihuraikan sebagai "the birth pangs of a new economic era" telah dibuktikan lebih

bahaya (deadly) dari yang disangkakan, dan telah menjadi salah satu sebab mencetuskan krisis mata wang serta pasaran saham yang dengan seriusnya menggoncangkan asas ekonomi negara ini.

Sejarah sedih mengenai korus sokongan tanpa berfikir para pemimpin Barisan Nasional serta media tempatan terhadap belanjawan ini harus mengingatkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya bersikap lebih sensitif terhadap pendapat berbeza yang dikeluarkan sama ada oleh rakyat Malaysia atau oleh media asing.

Sebagai contohnya, pada hari Sabtu, *Singapore Business Times* menerbitkan satu berita yang bertajuk "*Anwar's austerity budget fails to impress*", yang berbunyi, dengan izin:

"Finance Minister, Anwar Ibrahim announced a surprise 2 percentage point cut in corporate tax and moved to rein in the economy with an austerity budget yesterday.

But his measures were poorly received by fund managers and analysts who felt they did not go far enough to address the overheating economy. Mr. Anwar did spell out measures to narrow the current account deficit, enhance the country's export competitiveness and property market, and took steps to strengthen the financial sector.

He also signalled that further monetary measures may follow to curb runaway credit growth.

The markets responded by sending the Ringgit down to 3.27 against the US Dollar, against 3.17 on Thursday. Although most of the budget speech was delivered during the last hour of trading, the Kuala Lumpur Stock Exchange Composite Index fell 7.22 points to 794.80 points.

Analysts said the bourse had expected "more pain" and is likely to react negatively when it resumes trading on Monday.

The cut in government spending is not deep enough to bring a sharp shrinkage in the current account deficit", said Daniel Lian, head of Asian market research at ANZ Investment Bank in Singapore. "There's no relief for the Ringgit".

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata pada hari Sabtu lepas bahawa Belanjawan 1998 akan memulihkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia memandangkan kesemua langkah untuk menangani masalah-masalah spesifik telah diambil, beliau haruslah memberikan pertimbangan yang lebih serius terhadap reaksi-reaksi negatif terhadap

Belanjawan 1998 ini kerana mereka adalah kritikal dalam menentukan sama ada Belanjawan 1998 akan berjaya menghadapi cabaran paling besarnya untuk memulihkan kestabilan ekonomi dan keyakinan terhadap ekonomi kita serta membolehkan Malaysia muncul dari dwi-krisis mata wang serta pasaran saham dengan asas yang lebih kukuh lagi.

Pagi ini, persembahan pasaran saham menunjukkan dengan jelas sekali masalah kekurangan keyakinan. Indeks komposit BSKL yang terbuka pada tahap 794.80 mata, menjunam lagi, dan pada satu tahap pernah jatuh ke 775.16 mata, satu pengurangan 19.64 mata. Ringgit Malaysia pula runtuh lagi menjadi 3.3450 berbanding Dollar Amerika, sungguhpun pada hari Jumaat ia adalah setinggi 3.27. Rekod ini hampir seburuk nilai Ringgit paling rendah pada 1 Oktober, iaitu 3.4080, setelah ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Chile. Tadi, 3.15 petang, saya diberitahu bahawa KLSE jatuh lagi, jatuh 23.19 points ke tahap 771.61 points.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai Kewangan harus berbincang dan mencari jalan keluar, memandangkan Belanjawan 1998 ini jelas tidak dapat meyakinkan pasaran. Jelas juga, apa yang perlu dilakukan segera untuk memulihkan keyakinan dalam tempoh dwi-krisis mata wang dan pasaran saham ini adalah dasar-dasar yang baik dan konsisten, dan ketelusan.

Pengurusan tabung asing hanya akan menuju ke tempat di mana mereka boleh mendapat keuntungan. Kerajaan mestilah meyakinkan para pelabur bahawa ia akan memastikan segala urusan di BSKL adalah adil dan berketelusan, di mana peraturan-peraturan yang digunakan tidak akan berunsur pilih kasih dan tidak akan muncul peraturan-peraturan yang berat sebelah ataupun dikenakan secara sewenang-wenangnya, sama ada seperti peraturan 100 saham terpilih (designated securities) yang dikenakan pada 28 Ogos dan ditarik balik pada 5 September, mahupun perkara seperti isu MRCB.

Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) telah menunjukkan persembahan yang buruk bulan lepas setelah ia mengumumkan bahawa ia mendapat waiver dari Securities Commission untuk tidak membuat tawaran am mandatori RM15.20 untuk saham-saham *New Straits Times Press* dan RM5.20 saham-saham TV3 selepas pembelian pasarannya, yang sekiranya tidak, akan memaksa (triggered) melakukan semua ini mengikut

memaksa (triggered) melakukan semua ini mengikut Malaysian Code on Take-Overs and Mergers.

Waiver dalam aplikasi Malaysian Code on Take-Overs and Mergers ini hanya boleh dikeluarkan sekiranya ia dilakukan atas 'kepentingan nasional'. Apakah dia faktor 'kepentingan nasional' yang dapat menjelaskan waiver dalam kes MRCB? Adakah kepentingan yang terlibat itu 'kepentingan nasional' ataupun sebenarnya 'kepentingan UMNO' atau sebahagian dalam UMNO?

Berdasarkan kepada tawaran asal bulan Mac 1997 di mana MRCB perlu menawarkan para pemegang sahamnya saham NSTP dalam harga RM15.20 sesaham dan saham TV3 dalam harga RM5.20 sesaham, MRCB akan dapat menjimatkan lebih kurang RM2.3 bilion untuk dirinya sendiri ataupun meniadakan hak pemegang saham minoritinya sebanyak RM2.3 bilion.

Dalam masa ini di mana seluruh negara perlu berusaha lebih gigih untuk memulihkan keyakinan para pelabur selepas dwi-krisis mata wang dan pasaran saham, keputusan sewenang-wenangnya yang memihak kepada MRCB ini telah memberikan satu reaksi yang negatif kepada kedua-dua pelabur asing serta pelabur tempatan, dan tidak dapat menahan harga tiga jenis saham ini dari jatuh sungguhpun waiver yang diperolehi oleh MRCB ini seharusnya satu berita yang baik untuk syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-29 di Kuala Lumpur hujung minggu lepas berakhir dengan nada yang tinggi, di mana *New Straits Times* menerbitkan cerita bertajuk "*Currency problems will not affect region - Asean meeting ends on a confident note*".

Bagaimanapun, kerajaan serta Parlimen kita harus memberi perhatian yang serius ke atas suatu rencana yang muncul dalam majalah *Economist* Jilid 18-24 Oktober ini, di mana di bawah tajuk '*The blind, the deaf and the dumb*'. Rencana ini berpendapat:

Shock, denial, anger and acceptance. The conventional analysis of the progress of grief also applies to the bereaved leaders of South-East Asia, mourning the loss of their status as economic miracle-workers. Most are still stuck in one or more of the first three stages, refusing to acknowledge that a large part of the region faces several years of slower economic growth and painful financial restructuring. As a result, they may be as ill prepared for the dire social and political

consequences of the slowdown as they were for its onset....

A few days of calmer currency and stock-markets this month encouraged the hope that a turning-point had been reached.....But others believe it is a more fundamental economic malady, and one that will not be cured by leaders simply holding their breath.

The optimistic view is that the root of the difficulties is in the foreign-exchange markets: that after years of relying on links to a cheap American Dollar, currencies were overvalued. Ini punishing this mistake, the markets have overshot. Common sense will soon return, and all that is needed is a consensus on new currency alignments, combined perhaps with trading regulations and a fighting fund to beat off speculators.

The pessimistic view is that the devaluations are symptoms of deeper economic problems, which policymakers have themselves exacerbated. In particular, banks in Malaysia, the Philippines and Indonesia face the risk of bad debts mounting to unbearable levels, as has already happened in Thailand. In that sense, this week was not so much a turning-point, but - in the words of Neil Saker, head of regional economic research for Socgen-Crosby, a firm of stockbrokers - "the beginning of the descent".

How steep the descent will be, and where it will end, are unknowable. At the least, it is going to involve - in all four countries - a period of fiscal austerity, higher unemployment and slower growth. It is also likely to involve the bankruptcy of some very influential people who have spent their money unwisely, otherwise foreign investors will still believe markets are rigged. They are already beginning to demand greater openness in everything from the balance-sheets of banks and companies to the awarding of government contracts and concessions. Even a Malaysian minister has suggested it may be time to review the practice of awarding such plums by "negotiated tender" instead of competitive bidding. Such reforms would strike at the heart of the cosy relationships in the region between businesses, banks and governments.

Tuan Yang di-Pertua, tidak diragu-ragu lagi, kesemua usaha memulihkan keyakinan yang dicuba oleh Belanjawan 1998 akan dengan mudahnya dapat dirosakkan atau ditidakan oleh kenyataan-kenyataan atau pengumuman-pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menggoncangkan keyakinan, dan adalah jelas sekali

bahawa ucapan beliau di Kuala Terengganu dua minggu yang lepas yang mendakwa bahawa wujudnya komplot dan agenda Yahudi untuk merosakkan dan menjatuhkan ekonomi Malaysia serta lain-lain negara Islam masih menghantui Malaysia, mungkin hari ini, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat penafian pada keesokan harinya bahawa beliau pernah bercakap ataupun membawa erti sedemikian.

Masalahnya adalah, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa wujudnya komplot Yahudi dan agenda terhadap Malaysia serta lain-lain negara Islam telah dilaporkan oleh agensi berita negara kita sendiri, BERNAMA, yang mana turut dilaporkan secara meluas di dalam media antarabangsa, sama ada *Washington Post*, *New York Times*, *International Herald Tribune*, *Los Angeles Times* mahupun *Sydney Morning Herald*. Tambahan lagi, ucapan berkenaan juga dilaporkan di dalam surat khabar-surat khabar tempatan.

Menurut laporan muka pertama *Berita Harian* pada 11 Oktober, di bawah tajuk besarnya: '*Krisis mata wang angkara Yahudi*', yang dilaporkan oleh Azhar Abu Samah dan Noor Jaafar, yang menyatakan:

"Kuala Terengganu, Jumaat - Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mengesyaki pihak Yahudi mempunyai rencana dan agenda tertentu untuk menjejaskan ekonomi negara ini dan negara Islam lain".

Utusan Malaysia juga menerbitkan cerita yang sama di bawah tajuk utama muka depannya: '*Awas agenda Yahudi - PM dedahkan usaha lemahkan negara-negara Islam*', dan laporan yang ditulis oleh Amir Sairufin berbunyi:

"Kuala Terengganu, 10 Oktober - Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesyaki masyarakat Yahudi mempunyai agenda dan rencana tertentu untuk menjatuhkan umat Islam dengan mengatur pelbagai usaha jahat termasuk melemahkan ekonomi dan mata wang negara-negara Islam".

Pada hari yang sama, *Star* juga membawa berita yang sama di muka surat keduanya di bawah tajuk '*PM: Jews unhappy to see us progress*' yang berbunyi:

"Kuala Terengganu: Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad said the speculative attacks on the Ringgit could be the work of Jews who are uncomfortable with the progress of Muslim nations".

Dengan itu, selain dari BERNAMA, sekurang-kurangnya ada empat orang wartawan yang menulis berita yang sama tentang ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Siapakah sebenarnya yang silap - Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun BERNAMA dan keempat-empat orang wartawan ini?

Janganlah kita cuba alihkan perhatian rakyat dan negara dari isu asas mengenai krisis ekonomi kita. Persoalannya adalah bagaimana dapat memulihkan keyakinan para pelabur, sama ada pelabur tempatan mahupun pelabur asing.

Jangan pula kita mencari jalan senang dengan menyalahkan media massa asing ataupun komplot Yahudi. Jika kita telah melakukan kesilapan, maka kita harus berani dan jujur mengakui kesilapan ini dan seterusnya memperbetulkannya.

Adalah malang sekali bahawa media massa tempatan kita tertunduk kepada dasar self-censorship apabila berhadapan dengan apa yang berlaku di luar negara yang sebenarnya berhubung kait langsung dengan masalah keyakinan terhadap ekonomi negara ini.

Salah satu contoh adalah laporan *Associated Press* dari Hong Kong pada hari Rabu lepas yang telah ditumpas oleh akhbar tempatan mengenai '*strongest response yet from a foreign government to Mahathir's increasing virulent statements about the reasons for the 20-30 per cent plunge in the value of Malaysia's currency since July*'.

Laporan AP dari Hong Kong ini berbunyi, dengan izin:

Hong Kong - A senior US official said today that Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad's allegations of a Jewish conspiracy against his country are outrageous and self-defeating.

It was the strongest response yet from a foreign government to Mahathir's increasingly virulent statements about the reasons for the 20-30 per cent plunge in the value of Malaysia's currency since July.

"Of course that characterization is utter nonsense and there's no one in the region who takes that seriously", Stanley Roth, U.S. assistant secretary of state for East Asian and Pacific affairs, said at a news conference.

Roth pada masa itu menghadiri satu persidangan yang diadakan oleh World Economic Forum dan beliau kata, "*I think it is an embarrassment. I think*

it has hurt Malaysia, that we have seen a direct correlation between some of these outrageous allegations and the fall in the currency in Malaysia as well as the stock market.' Beliau berharap kenyataan-kenyataan seperti itu akan berhenti supaya tumpuan akan difokuskan ke atas menyelesaikan krisis mata wang yang berleluasa di rantau ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya tidak berhasrat untuk mempertahankan Stanley Roth, yang sama ada tidak tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pada keesokan harinya menafikan yang beliau pernah membangkitkan dakwaan komplot Yahudi terhadap Malaysia, ataupun tidak memandang berat terhadap penafian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Dan adalah terpulang kepada Kerajaan Malaysia untuk menjawab Roth dengan cara yang sewajarnya.

Bagaimanapun, rakyat Malaysia adalah berhak tahu bahawa seorang pegawai kanan Amerika Syarikat pernah membuat kenyataan yang begitu keras mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Terengganu pada hari Jumaat lepas, dan media massa tempatan yang melaksanakan polisi self-censorship dan tidak melaporkan berita ini sebenarnya tidak memberi sumbangan terhadap pembinaan satu masyarakat maklumat.

Kes self-censorship media massa yang paling serius adalah laporan agensi berita hari Jumaat bahawa Kongres Yahudi Sedunia (World Jewish Congress) akan membuat aduan kepada Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kebelakangan ini yang melampau dan berbentuk stereotaip.

Naib Presiden Majlis Yahudi Sedunia, Kalman Sultanik berkata beliau akan juga mendapatkan sokongan Majlis Vatican serta Majlis Gereja-gereja Sedunia supaya mengutuk kenyataan sedemikian. Beliau kata, dengan izin, "*Prime Minister Mahathir sounds like he is speaking in the 1940s, not the 1990s*". Dan beliau juga berkata bahawa aduan berkenaan akan dibawa ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hari ini kerana lima tahun yang lepas, pertubuhan berkenaan telah mengisytiharkan anti-Semitism sebagai sejenis bentuk perkauman dan ketaksuban.

Inilah satu contoh di mana kesemua usaha Belanjawan 1998 untuk memulihkan keyakinan

pelabur mungkin dirosakkan oleh ucapan yang kononnya disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Kuala Terengganu tentang komplot Yahudi terhadap Malaysia, termasuklah projek Koridor Raya Multimedia yang bernilai RM5 bilion, memandangkan beberapa orang ahli dalam Panel Penasihat Antarabangsa MSC serta ramai orang kuat dalam dunia IT adalah berketurunan Yahudi.

Minggu yang lepas, Dewan ini beriuhi-rendah kerana saya telah merujuk kepada laporan *Washington Post* yang bertarikh 13 Oktober 1997 bahawa, saya petik, '*Each time Mahathir speaks these days, the markets at home react - negatively. Malaysia's currency, the Ringgit, tumbles and stocks continue their downward slide*'.

Para ahli Parlimen yang terlibat dalam pertelingkahan pada hari Rabu lepas nampaknya tidak tahu menahu tentang perasaan kecewa rakyat Malaysia bahawa sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu yang ucapan-ucapan serta kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan olehnya akan membawa kepada kemerosotan nilai Ringgit dan pasaran saham, tetapi beliau masih secara terbuka tidak mengendahkan kerugian yang ditanggung oleh rakyat Malaysia dan teruskan dengan sikap beliau.

Di Santiago awal bulan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meramalkan bahawa mata wang Malaysia mungkin akan jatuh lagi selepas ucapan beliau yang dijadualkan di dalam majlis makan malam Asia-Pacific Co-operation Council, dan ini telah dibuktikan benar apabila Ringgit jatuh sebanyak 4% dalam masa kurang dari dua jam, dan pada satu ketika, kejatuhan setiap minit adalah sebanyak satu mata, hinggakan kesannya menjejaskan juga pasaran saham, menyebabkan 100 saham blue chips indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh sebanyak 2.3% menjadi 795.83 point pada masa menutup.

Rakyat Malaysia berhak menanya sama ada ini adalah reaksi seorang Perdana Menteri yang bertanggungjawab, yang nampaknya ghairah dengan ucapan-ucapannya yang dapat menggoncang kedudukan Ringgit serta pasaran saham!

Malaysia kini menghadapi krisis ekonomi dan DAP bersedia memberikan sokongan sepenuhnya yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri dan kerajaan dalam usaha mengatasi krisis ini, khasnya usaha memulihkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

Bagaimanapun, kita tidak dapat memberikan sokongan blank-cheque, misalnya menyokong kesemua sikap naik radang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara tiba-tiba yang telah berkali-kali membawa kepada krisis mata wang dan pasaran saham. Dan kita hendak menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya bertindak berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan pada tahap masa ini di mana kita semua sedang cuba untuk memulihkan keyakinan terhadap ekonomi, melainkan beliau dapat membuktikan dakwaan-dakwaannya, seperti dakwaan bahawa wujudnya komplot dan agenda Yahudi untuk merosakkan ekonomi Malaysia.

Sebagai contohnya, kami tidak menyokong tindakan pengutukan rakyat Malaysia yang memegang pandangan berbeza dari mereka yang berada dalam kerajaan sebagai 'pengkhianat' ataupun ancaman menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap para wartawan, penulis, penganalisa kewangan serta ahli ekonomi yang berani menyuarakan pendapat berbeza dari pihak berkuasa. Dan pada satu tempoh dalam bulan Ogos, suasana krisis di Malaysia adalah begitu tidak menyenangkan, sehinggakan ramai yang khuatir episod Operasi Lalang sepuluh tahun yang lepas mungkin akan berulang lagi, di mana mereka yang memegang pendapat berbeza akan ditahan secara beramai-ramai, dan ini telah menghangatkan lagi krisis ekonomi serta nasional negara ini.

Tidak boleh dinafikan perkara ini masih tinggal dalam fikiran ramai penganalisa dan penulis-penulis ekonomi. Ini saya rasa perlulah satu penjelasan dibuat bahawa kerajaan tidak akan menggunakan ISA terhadap sesiapa oleh kerana penulisan analisa mengenai panel. Saya tahu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tertangkap pada masa itu, tetapi reaksi sangat buruk sungguhpun tertangkap. Perlulah satu pendirian, satu jaminan yang jelas bahawa tidak akan menggunakan ISA, tidak akan di'invoke'kan terhadap apa-apa rencana, artikel yang tidak sependapat dengan pendirian kerajaan. Boleh counter, boleh revile, boleh condemn, tetapi jangan kata mungkin mahu guna ISA. Sampai sekarang react, repercussion belum semua hilang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam *New Sunday Times* menerbitkan satu kartun memaparkan Uncle Sam yang menggunakan media Barat untuk memaksa Malaysia tukar pucuk pimpinan politik kita dengan ugutan perkataan: 'Change Your Leaders Or We Will Take All Your Money'.

Sungguhpun DAP sebuah parti pembangkang, kita akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekiranya Amerika Syarikat ataupun negara-negara Barat cuba campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia dengan memaksa penukaran pucuk pimpinan politik yang tidak disukainya. Sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus menjadi Perdana Menteri negara ini atau tidak, adalah urusan rakyat Malaysia sendiri dan bukan urusan Amerika Syarikat mahupun lain-lain negara Barat untuk menentukan siapa yang patut menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Bagaimanapun, rakyat Malaysia juga tidak harus terperangkap oleh teori komplot bahawa media massa antarabangsa ataupun komplot Yahudi cuba memaksa pucuk pimpinan negara ini ditukar menerusi rancangan dwi-krisis mata wang serta pasaran saham tanpa bukti-bukti yang kukuh.

Ini juga jangan digunakan sebagai alasan untuk menapis atau menghalang kemasukan (access) laporan-laporan media massa asing, tidak kira betapa berat sebelahnya laporan-laporan ini terhadap pemimpin negara ini, kerana kita haruslah lebih berkeyakinan terhadap kematangan dan keputusan (judgement) rakyat kita sendiri dalam membezakan betul dan salah, benar dan karut.

Sebenarnya, rakyat Malaysia harus digalakkan untuk mengetahui apa yang dilaporkan oleh media-media asing mengenai Malaysia, menolak apa yang salah dan tidak benar, tetapi memandang serius tentang apa yang benar dan betul, kerana media massa Malaysia sendiri dikawal dengan terlalu ketat dan tidak dapat menggambarkan apa sebenarnya yang berlaku di negara ini.

Apa-apa berita yang tidak menyenangkan, kita tidak boleh lari, tidak mahu rakyat tahu. Kita mahu rakyat tahu. Dalam *Straits Times* ini, petikan daripada Melbourne, "Ossie MP - lacken Mahathir to Pauline Hanson. Melbourne: Malaysian Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad has been dub Malaysia with equivalent of controversial Australian politician, Pauline Hanson by Victorian State MP.....". Tidak perlulah saya baca. Kita perlu faham apa yang berlaku di dunia. Kita tidak boleh pura-pura tidak tahu atau tidak mahu rakyat tahu, supaya kita dalam masyarakat maklumat boleh bersedia untuk menghadapi apa-apa krisis atau apa-apa cabaran.

Sebenarnya dalam bulan-bulan lepas, media antarabangsa telah membangkitkan beberapa isu dan rakyat Malaysia adalah berhak diberitahu tentang kedudukan kerajaan dalam isu-isu berkenaan.

Sebagai contohnya, ada laporan yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dipengaruhi oleh suatu penerbitan yang bertajuk Executive Intelligence Report (EIR) yang diterbitkan oleh satu kumpulan pemikir yang diketuai oleh Lyndon LaRouche dan telah diperhatikan bahawa sesetengah komen Perdana Menteri hampir serupa dengan tulisan di dalam surat berita kumpulan pemikir berkenaan.

Lyndon LaRouche Jr telah dihuraikan sebagai seorang rakyat Amerika yang eksentrik yang mengeluarkan pelbagai teori komplot teliti, pernah bertanding dan gagal dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat sebanyak lima kali, dan pernah dijatuhkan hukuman atas tuduhan komplot di Amerika Syarikat dalam tahun 1989.

Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyerang George Soros, dan mendakwa, dengan izin, *'He's no Robin Hood. He takes from the poor and fills his own position'*, beliau sebenarnya mengulangi suatu ungkapan dari EIR.

Saya bukannya penyokong mahupun penentang Lyndon LaRouche. Melalui sumber-sumber dalam Internet, kita tahu satu lagi teori komplot Lyndon LaRouche adalah: kematian Puteri Diana bukannya satu kemalangan tetapi satu pembunuhan (assassination) yang disembunyikan di bawah plot kemalangan berkenaan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri percaya kepada teori komplot LaRouche ini?

Pada 8 September 1997, *Singapore Business Times* melaporkan bahawa melalui suatu penyelidikan ke atas 12 taikun (tycoon), didapati bahawa milikan mereka di dalam bursa saham Malaysia telah menjunam dari 10.6% pada 28 Mac menjadi 9.9% pada 4 September, dan ini menunjukkan kerugian berjumlah RM40.8 bilion.

Kerugian atas kertas ini termasuklah kejatuhan tertinggi 69.2% untuk Mirzan Mahathir atau bersamaan dengan kerugian sebanyak RM3 bilion, dan kejatuhan sebanyak 19.2% yang dialami oleh keluarga Yeoh Tiong Lay.

Tempoh masa dari 28 Mac ke 4 September ini adalah tempoh di mana Bank Negara mencetuskan krisis pasaran saham dengan mengumumkan garis panduan yang ketat mengenai pembelian hartanah dan saham serta sekatan ke atas dagangan baru di Bursa Saham KL, yang dibatalkan kemudian harinya.

Adakah radang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dengan sendirinya mencetuskan

beberapa krisis kecil ke atas Ringgit serta BSKL ini berhubung kait dengan pengurangan atas kertas hampir setengah dari harga 12 taikun terbesar Malaysia yang berjumlah sebanyak RM40.8 bilion pada 4 September?

Rakyat Malaysia tidak perlu memberikan sokongan atau kepercayaan membuta terhadap laporan media massa asing mengenai Malaysia, tetapi kita tidak juga harus menolak secara membuta apa yang terkandung di dalam laporan media massa asing.

Sementara DAP tidak menyokong cara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri naik radang yang bukan hanya menjejaskan dirinya sendiri tetapi juga ekonomi Malaysia, DAP menyokong cadangannya supaya digariskan peraturan antarabangsa demi mencegah serangan dan manipulasi di dalam pasaran mata wang antarabangsa.

Pemegang anugerah Nobel, James Tobin dari Universiti Yale pernah mengemukakan konsep cukai turnover ke atas transaksi mata wang asing untuk membolehkan pihak berkuasa nasional melaksanakan dasar kewangan yang lebih bebas, mencegah pergerakan kapital spekulatif dan menambahkan kekuatan asas ekonomi aktiviti spekulatif jangka panjang dan bukannya jangka pendek.

Seorang lagi pemegang anugerah Nobel, Lawrence Klein, pernah membangkitkan dua lagi opsyen: pengaturan kewangan serantau dan pengenalan 'circuit-breakers' ke dalam sistem berkenaan - satu cadangan yang juga pernah dikeluarkan oleh ketua ahli ekonomi Bank Dunia, Joseph Stiglitz.

Bahaya yang wujud bersama-sama dengan liberalisasi kewangan adalah ketara masa kini, tetapi masalah ini masih belum dapat ditangani dengan berkesan. Kebanyakan masalah ini tidak akan dapat diatasi jika hanya bergantung kepada satu pihak yang terlibat tanpa melibatkan kos yang besar, dan ini jelas kelihatan dari reaksi pasaran terhadap kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka, adalah perlu supaya perkara ini disuarakan dan dipupuk melalui inisiatif multilateral, yang mana bererti kita perlu mendapatkan sokongan jiran-jiran kita dan negara-negara lain. Opsyen-opsyen untuk memulakan inisiatif satu pihak juga harus dikaji dan dilaksanakan segera mana yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, para ahli ekonomi berpendapat bahawa sekurang-kurangnya wujud dua masalah yang perlu diatasi dengan segera oleh kerajaan, iaitu:

- (i) Jurang simpanan pelaburan (investment savings gap), yang kini kekal pada 5-6% KDNK, yang terletak dalam bahagian defisit akaun semasa, dan melebihi RM12 bilion sejak 1994. Jurang ini telah ditutup sekian lama ini oleh pergantungan berat ke atas pelaburan luar langsung (foreign direct investment (FDI)) dan telah diselimum (papered) oleh kemasukan modal jangka pendek, sepertimana yang berlaku dalam 1993 dan sejak 1996 yang membawa kepada kesan buruk apabila pengaliran ini berbalik haluan. FDI dan hutang luar yang tinggi telah menyebabkan pendapatan dari pelaburan semakin mengalir keluar negeri. Pelaburan berbalik (reverse investment), iaitu FDI Malaysia di luar negeri (lebih kurang RM6 bilion dalam 1996) telah memburukkan lagi masalah dalam tahun-tahun kebelakangan ini.
- (ii) Tercetusnya hutang sektor swasta, khas dari luar negeri, pada tahun-tahun kebelakangan ini, dan ini adalah disebabkan oleh usaha pembekal pinjaman (debt-pushers) yang bergabung tenaga dengan pertumbuhan 'bank-bank swasta'. Jelas sekali, badan berkanun bukan kewangan milik kerajaan (non-financial public enterprises) adalah penyumbang terbesar ke atas fenomena ini. Ini telah memburukkan lagi impak krisis mata wang. Menurut sumber-sumber rasmi, nisbah pinjaman ke atas KDNK telah meningkat dari lebih kurang 97% dalam 1992 menjadi 120% dalam 1996, dan mengikut sesetengah penganalisa kewangan, keadaan sebenar adalah lebih tinggi lagi. Sebagai contoh, dalam tahun-tahun yang lepas, liabiliti asing bank-bank komersial telah bertambah tiga kali ganda di antara 1995 dan 1997.

Kerajaan harus memberi perhatian dan menerima pandangan bahawa Belanjawan 1998 telah meniasiasi peluang kerajaan menyampaikan mesej jelas mengenai pentingnya berjimat-cermat.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan dengan memotong peruntukan kepada kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan sebanyak 2%, tetapi perbelanjaan operasi untuk 1998 setinggi RM45.6 bilion masih jauh tinggi dari Belanjawan 1997 yang

memperuntukkan sebanyak RM42.7 bilion, sementara anggaran belanja pembangunan 1998 sebanyak RM18.5 bilion pula lebih tinggi dari Belanjawan 1997 yang memperuntukkan RM17.3 bilion untuk pembangunan. Jumlah Belanjawan 1998 sebanyak RM64.1 bilion masih terlalu tinggi berbanding dengan jumlah Belanjawan 1997 sebanyak RM59.9 bilion.

Satu mesej jelas bahawa kerajaan memang serius untuk berjimat cermat adalah dengan memastikan bahawa Belanjawan 1998 dua peratus kurang dari Belanjawan 1997. Sememangnya sesetengah perbelanjaan adalah tidak dapat dielakkan, dan sesetengah yang lain pula adalah perlu (locked-in). Contohnya, kebanyakan perbelanjaan ke atas pendidikan atau kesihatan, tetapi ini masih tidak cukup untuk mempertahankan keputusan kerajaan.

Kerajaan harus bersikap serius dalam memulakan usaha mengurangkan Belanjawan 1998 sebanyak dua peratus lebih kecil berbanding dengan Belanjawan 1997, antaranya termasuklah pengurangan perbelanjaan pembangunan, kecuali perbelanjaan penting yang berkaitan dengan pendidikan dan kesihatan.

Kerajaan telah membuat pengumuman bahawa beberapa mega projek yang bernilai RM65.6 bilion akan ditangguhkan. Soalnya sekarang adalah mengapakah kerajaan tidak mengambil peluang ini untuk membatalkan kebanyakan dari mega projek yang dirancangnya, khususnya projek-projek yang tidak mendatangkan keuntungan ekonomi dan yang belum bermula seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara yang dirancang untuk dibina di atas pulau tebusan di Kedah, projek Kuala Lumpur Linear City, projek Jalan Cameron Highlands/Frasers Hill/Genting Highlands, serta Jambatan Selat Melaka: Malaysia-Indonesia. Kenapa tidak umum batalkan langsung sekali dan bukan tangguhkan.

Belanjawan 1998 telah memperkenalkan beberapa cadangan belanjawan yang agak melulu dan dengan itu agak sukar untuk mendatangkan kesan yang dikehendaki atau bersifat adil atau menggunakan instruments yang blunt, yang menyukarkan ia boleh effective dan equitable.

Dua contoh yang jelas adalah kenaikan besar untuk kadar dokumen perjalanan dari RM145 dan RM165 menjadi RM300 dan RM600, dan kadar bagi dokumen perjalanan terhad dari RM60 menjadi RM150, dan tambahan lesen pemandu dari RM20 menjadi RM50 setahun.

Kenaikan ini menyukarkan rakyat Malaysia yang bekerja atau belajar di luar negeri dan

sepatutnya mereka ini diberi pengecualian dari kenaikan harga ini. Sama juga, memandangkan pemilikan lesen kenderaan persendirian yang telah menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan lagi (necessity), dan bukannya sesuatu yang lumayan, maka kenaikan yang besar dalam kadar lesen memandu juga tidak adil kepada mereka yang berada dalam strata lebih miskin masyarakat ini.

Kenaikan kadar parport akan menambahkan pendapatan sebanyak RM130 juta untuk kerajaan, manakala kenaikan kadar lesen memandu pula akan mendatangkan kenaikan pendapatan sebanyak RM150 juta. Penambahan kedua-dua levi ini yang akan mendatangkan RM280 juta ke atas rakyat jelata ini, sebenarnya dapat dielakkan sekiranya pengurangan cukai syarikat dikurangkan dari 30% menjadi 28.5% dan bukannya 28%, memandangkan pengurangan setengah peratus ini sudah cukup malah melebihi RM280 juta yang dikutip dari penambahan kadar pasport dan lesen memandu.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memang telah memberikan satu hadiah istimewa dalam belanjawannya dengan mengurangkan cukai syarikat sebanyak 2% dari 30% menjadi 28%, alasannya nilai Ringgit yang merosot telah menyebabkan penambahan kos operasi dan kos seunit produksi yang seterusnya mengurangkan kuasa saingan hasil keluaran Malaysia di dalam pasaran antarabangsa.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata bahawa dua peratus pengurangan ini akan membolehkan sektor swasta menghadapi masalah penambahan kos dan bukannya mengalihkan kos ini ke atas pengguna (not to pass the cost to consumers). Kata beliau, para pengusaha tidak harus membebaskan pengguna dengan kenaikan harga.

Bagaimanapun, apakah mekanisme yang ada untuk memastikan bahawa dua peratus pengurangan dalam cukai syarikat ini akan direalisasikan melalui pengurangan harga pengguna selaras dengan objektif pengurangan cukai dan bukannya satu hadiah (give-away) kepada sektor swasta sahaja? Dan hadiah ini bukannya kecil. Pengurangan cukai pendapatan syarikat dari 30% menjadi 28% bererti kerugian sebanyak RM1.2 bilion dalam pendapatan kerajaan ataupun RM1.2 bilion subsidi kepada sektor swasta demi memastikan para pengguna tidak dibebankan dengan kenaikan harga berikutan dengan kemerosotan nilai Ringgit.

Adakan kerajaan bersedia menubuhkan satu agensi khas untuk mengawal selia dan meneliti penjimatan RM1.2 bilion dari pengurangan cukai syarikat ini akan benar-benar dinikmati oleh para pengguna, dan bahawa sektor korporat tidak akan menjadi benefisiari dua kali, dengan menggelapkan bukan hanya RM1.2 bilion ini, tetapi turut menaikkan harga-harga pengguna?

Para ahli ekonomi merasa sangat skeptik tentang penjimatan RM1.2 bilion hasil dari pengurangan cukai syarikat 2% ini akan dialirkan secara terus kepada para pengguna. Sekiranya pandangan mereka ini bernas, maka ini akan merupakan aspek tidak adil dalam Belanjawan 1998 pada masa semua orang harus membahagi-bahagikan tanggungan kesukaran masa ini secara adil - memandangkan kerajaan kini memicit sebanyak RM280 juta dari rakyat biasa dengan menaikkan kadar pasport dan lesen memandu, dan dalam masa yang sama pula, ia membekalkan RM1.2 bilion dalam bentuk pengurangan cukai syarikat kepada mereka yang kaya dan senang.

Kadar cukai yang lebih tinggi yang dikenakan ke atas kereta-kereta import dan unit-unit CKD akan hanya menguntungkan Proton dan Perodua untuk tempoh sementara, memandangkan pembelian kereta telah mula merosot. Struktur cukai ini tidak dapat menggalakkan pemasangan tempatan untuk menambahkan kandungan tempatan. Cukai yang lebih tinggi juga tidak dapat menangani masalah yang lebih besar mengenai nisbah kereta ke atas populasi yang terlalu tinggi, yang sepatutnya ditangani.

Kekhuatiran telah dilahirkan terhadap peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas kelayakan mendapatkan 'elaun pelaburan semula' yang mungkin membawa kepada kesen bertentangan yang tidak menggalakkan pelaburan semula simpanan syarikat yang tidak diingini.

Pada masa ini, Elaun Pelaburan Semula adalah diberi kepada sektor perkilangan dan pertanian untuk menjalankan projek pembesaran, pemodenan dan pelbagai (diversification). Kadar Elaun Pelaburan Semula adalah 60% dari perbelanjaan modal yang layak. Pada umumnya elaun ini dibenarkan sebagai potongan setakat 70% daripada pendapatan berkanun bagi maksud pengiraan cukai pendapatan syarikat. Walau bagaimanapun, bagi projek yang dijalankan di Sabah, Sarawak dan Koridor Pantai Timur, potongan yang dibenarkan ialah 100% dari pendapatan berkanun serta syarikat yang melabur semula dan berjaya menunjukkan peningkatan produktiviti yang ketara.

Atas alasan untuk memastikan bahawa kesemua aktiviti pelaburan semula akan menghasilkan efisiensi dan produktiviti yang lebih baik, maka peraturan-peraturan yang baru kini diperkenalkan di mana Elaun Pelaburan Semula akan hanya diberikan kepada aktiviti pelaburan yang dapat meningkatkan produktiviti khususnya pelaburan dalam peralatan automasi serta pelaburan yang menjimatkan tenaga buruh seperti penggunaan robot.

Untuk mengelakkan kesan negatif yang tidak menggalakkan pelaburan semula simpanan syarikat, kerajaan haruslah mempertimbangkan langkah-langkah alternatif untuk memastikan efisiensi dan produktiviti diberi tumpuan, seperti memberikan insentif tambahan untuk mempertingkatkan tahap teknologi semasa melakukan pelaburan semula.

Apa yang menjadi paradoks adalah bahagian paling lemah dalam Belanjawan 1998 ini bila dibandingkan dengan belanjawan-belanjawan yang pernah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri kewangan yang lepas adalah mengenai isu rasuah, di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat rujukan yang sambil lewa sahaja ke atas tajuk ini kerana omission sama sekali tajuk ini akan menjadikan terlalu ketara. Maka kenyataan di dalam Belanjawan bahawa dengan izin, undang-undang pencegahan rasuah yang kemaskini menetapkan kesalahan rasuah bukan sahaja kepada penerima, tetapi juga kepada pemberi, kerana kita percaya bahawa rasuah tidak akan wujud sekiranya tidak ada orang yang memberi rasuah bukan sahaja tidak begitu bererti, relevan, kerana provisi yang sama juga wujud dalam undang-undang rasuah yang lama. Tetapi nampaknya telah bertukar pendirian yang mana menekankan pemberi dan bukannya penerima. Semua semangat (fire) yang mengisytiharkan perang terhadap rasuah ini telah lenyap.

Sungguhpun hanya beberapa bulan yang lepas apabila Yang Amat Berhormat menjawat jawatan Pemangku Perdana Menteri dan pernah mengisytiharkan "*Now is the time to act.... We will catch the big ones and we will catch the small ones.*" Penggesaannya kepada BPR supaya menangkap bukan hanya mereka yang terlibat dalam rasuah RM20.00, tetapi juga rasuah RM2 juta. Adalah sedih bahawa pihak berkuasa tidak memberikan sebarang respon ataupun menyuarakan sebarang keprihatinan mengenai Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International 1997 di mana kedudukan Malaysia telah merosot dari 23 di tahun 1995 menjadi 26 di tahun 1996 dan 32 di tahun 1997.

Mata Corruption Perception Indexs (CPI) Malaysia juga merosot menjadi 5.01 berbanding dengan CPI tahun 1996 di mana Malaysia mendapat mata 5.32. Mengikuti indeks berkenaan mata 10 menunjukkan masyarakat adalah rasuah sifar. CPI Transparency International 1997 telah diumumkan pada 31 Julai 1997 sebaik sahaja Parlimen meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang baru dan bergabung, dan kempen perang menentang rasuah yang begitu short lived.

Dwi kegagalan Malaysia dalam CPI Transparency International 1997 untuk memperbaiki kedudukan negara kita serta meningkatkan skor CPI ini harus dilihat sebagai cabaran kebangsaan dan menggalakkan negara kita berikrar supaya dalam Corruption Perception Indexs Transparency International masa depan, Malaysia mesti menunjukkan kemajuan dalam kedua-dua aspek ini. Malaysia juga harus mengambil perhatian bahawa kita bukan sahaja terus ketinggalan di belakang 10 negara paling bersih di dunia, iaitu Denmark skor 9.94, Finland 9.48, Sweden 9.35, New Zealand 9.23, Kanada 9.10, Netherlands 9.03, Norway 8.92, Australia 8.86, Singapura 8.66 dan Luxemburg 8.61, tetapi juga ketinggalan di belakang negara-negara seperti Sepanyol, Greek, Hungary, Italy yang mana dalam tahun 1996 terletak di belakang Malaysia dalam Corruption Perception Indexs Transparency International. Tambahan lagi, dari kedudukan keempat di kalangan negara-negara Asia dalam CPI Transparency International 1996 iaitu di belakang Singapura, Jepun dan Hong Kong, Malaysia kini terletak di tempat kelima di kalangan negara Asia selepas Taiwan. Saya ingin tahu apakah respon kerajaan serta BPR terhadap Corruption Perception Indexs Transparency International 1997.

Saya menyeru supaya kerajaan bertindak terhadap CPI Transparency International 1997 yang meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih buruk ini dengan melihatnya sebagai satu cabaran yang perlu diatasi oleh semua sektor masyarakat kita supaya menjadikan negara kita antara 10 negara paling bersih di dunia. Adakah kita berani letakkan matlamat ini menjadikan antara 10 negara paling bersih di dunia.

Kerajaan harus memobilisasikan tenaga keseluruhan masyarakat madani. Dalam ucapan Belanjawan ini, kali yang pertama tidak lagi masyarakat madani. Mungkin terlalu mirip dengan masyarakat terbuka seseorang. Sama ada parti-parti politik, kerajaan harus memobilisasikan tenaga seluruh masyarakat madani sama ada parti-parti

politik, media massa, profesion, agama, NGO untuk lancarkan kempen kebangsaan untuk membentuk budaya baru integrati dalam kehidupan politik dan perkhidmatan awam dengan toleransi sifar terhadap rasuah.

Baru-baru ini di bulan Julai Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah selepas empat hari perbahasan. Secara keseluruhannya rang undang-undang ini merupakan satu kemajuan dari undang-undang yang sedia ada. Bagaimana pun, wujud juga beberapa peruntukan yang tidak perlu seperti Seksyen 20 yang mengenakan hukuman denda RM100,000, sepuluh tahun penjara kedua-duanya sekali untuk kesalahan laporan palsu serta beberapa bahagian yang sememangnya dapat diperbaiki untuk menjadikannya satu model perundangan antirasuah kepada masyarakat sedunia sama ada negara maju atau negara sedang membangun. Inilah sebab mengapa saya telah mencadangkan 29 pindaan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah di Parlimen ketika itu.

Sungguhpun kerajaan tidak bersedia untuk menerima mana-mana satu pindaan cadangan ini, mereka masih dapat berfungsi sebagai satu notis kepada kerajaan serta negara. Pada keseluruhannya mengenai bahagian-bahagian yang harus diberikan perhatian serius sekiranya kita ingin memiliki perundangan antirasuah yang lebih baik dan sempurna. Antaranya seperti meminta mereka yang memegang jawatan awam tinggi, sama ada di arena politik mahu pun kerajaan supaya mengisytiharkan harta mereka secara terbuka dan menjadikan pemilikan harta yang tidak dapat dijelaskan sumbernya sebagai bukti amalan rasuah.

Dalam tempoh empat hari Parlimen membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini, komen-komen yang dibuat oleh setengah Ahli Parlimen Barisan Nasional menunjukkan yang mereka tidak memahami betapa perlunya kita melibatkan seluruh masyarakat sekiranya perang menentang rasuah ini hendak berhasil. Sebagai contoh, semasa menyertai perbahasan di Dewan ini, Yang Berhormat dari Pokok Sena meminta parti pembangkang supaya jangan menggunakan pengalaman Tan Sri Harun Hashim semasa membahaskan rang undang-undang berkenaan, mengisytiharkan bahawa pihak pembangkang tidak perlu mengadakan sebarang perbincangan meja bulat mengenai rasuah dan mendakwa bahawa Tan Sri Harun Hashim serta bekas Ketua Audit Negara Tan Sri Ahmad Nordin semuanya 'orang pembangkang'. Saya sangka bahawa masalahnya

adalah kita tidak cukup persidangan meja bulat untuk membincang dan memobilisasikan sokongan orang ramai menentang rasuah dan bukannya tidak memerlukan semua ini. Adakah mereka yang pernah menghadiri meja bulat menentang rasuah ini termasuk Persidangan Konsensi Menentang Rasuah seperti Tan Sri Ahmad Nordin, Tan Sri Harun Hashim, Dr. Syed Hussein Alatas, Dr. Chandra Muzaffar, Tan Sri Samad Ismail semuanya orang-orang pembangkang kerana mereka ini semua menentang rasuah?

Adalah suatu hari yang sungguh sedih bagi demokrasi di Malaysia dan membawa kepada petanda buruk bagi usaha menentang rasuah di masa depan di mana semua rakyat Malaysia yang menentang rasuah dianggap sebagai orang-orang pembangkang oleh kerajaan. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri semasa memperkenalkan rang undang-undang berkenaan, beliau berkata bahawa perang menentang rasuah bukannya agenda politik, tetapi merupakan agenda kebangsaan. Jelas sekali mesej ini tidak difahami oleh semua Ahli Parlimen Barisan Nasional. Bagaimanapun, lebih penting dari penggubalan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini adalah wujudnya iltizam politik untuk menguatkuasakannya.

Sekiranya selepas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah masih hanya ikan bilis dan tiada ikan jerung yang ditangkap, maka keyakinan orang ramai terhadap komitmen kerajaan untuk mengisytiharkan perang segenap penjurong menentang rasuah ini akan dirosakkan. Inilah sebab mengapa saya rasa sungguh kecewa bahawa kerajaan tidak dapat membentangkan sebarang laporan mengenai kemajuan siasatan BPR ke atas enam orang menteri, dua orang timbalan menteri, seorang setiausaha parlimen serta lapan orang ahli-ahli Exco dan '6218' ini telah menjadikan satu simbol di mana BPR nampaknya melambat-lambatkan kerja menyiasat VIP politik ini atau di mana penyiasatan BPR mengenai VIP politik ialah begitu glacial.

Dalam bulan Jun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa adalah sungguh tidak dapat diterima dan tidak adil jika hanya menangkap mereka yang terlibat dengan rasuah RM20.00 tetapi melepaskan mereka yang terlibat dengan rasuah RM20 juta. Apabila saya cuba bertanya di Parlimen sebab mengapa BPR tidak dapat membekalkan sebarang laporan hasil siasatan '6218' ini, Parlimen dilayan secara diberi sophistry oleh jawapan bahawa Malaysia tidak boleh bersikap double standard dengan memberi keutamaan

penyiasatan BPR ke atas kes VIP berbanding dengan ikan bilis. Enam bulan telah berlepas sejak Parlimen diberitahu bahawa lapan orang ahli Exco sedang disiasat oleh BPR. Saya berharap bahawa semasa menteri menjawab bulan depan, Parlimen dan negara kita akan diberi keyakinan bahawa BPR tidak menderita sindrom '6218' di mana ia tidak berupaya mendapat sebarang kemajuan dalam siasatan ke atas kes VIP politik. Permintaan yang sama juga ditujukan mengenai kes-kes VIP yang lain, sama ada yang melibatkan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Taib mahupun Tan Sri Eric Chia sehubungan dengan skandal Perwaja.

Dengan tertanggungnya beberapa mega projek, nampaknya dasar penswastan juga harus digantung. Kerajaan kini harus menggalakkan perbincangan mengenai reformasi sektor awam alternatif yang mungkin dapat dilaksanakan. Memandangkan dasar penswastan serta prosesnya telah mendatangkan begitu banyak masalah rasuah, salah guna kuasa serta menjejaskan kepentingan awam. Kemarahan orang ramai terhadap kenaikan tol oleh PLUS untuk Lebuhraya Utara-Selatan pada awal tahun depan merupakan satu bukti bahawa orang ramai semakin tidak tahan lagi dengan kontrak konsesi PLUS yang berat sebelah yang membolehkan PLUS mengenakan pertambahan kadar tol setiap tahun untuk tempoh 22 tahun seterusnya.

Adalah sesuatu tanda baik di mana kita kini nampak beberapa parti Komponen Barisan Nasional seperti Gerakan dan Pemuda UMNO yang turut merasa tidak sabar dengan kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan ini, sungguhpun saya ingin bertanya di mana orang-orang ini, di manakah parti-parti ini apabila DAP dengan sendirinya telah menentang penswastan Lebuhraya Utara-Selatan dalam tahun 1980-an. Dan penentangan DAP itu juga merupakan salah satu alasan yang menyebabkan saya dan Yang Berhormat dari Jelutong antara lain ditahan di bawah ISA untuk kali yang kedua dalam Operasi Lalang 10 tahun yang lepas. Minggu depan Operasi Lalang akan melalui ulang tahun ke-10nya.

Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat dari Sungai Siput telah berkata bahawa beliau telah diarahkan oleh Jemaah Menteri untuk berunding dengan PLUS dalam tempoh dua bulan ini, dan jika perundingan itu gagal, maka kerajaan akan dipaksa membayar pampasan sekiranya PLUS tidak dibenarkan untuk menambahkan kadar tol pada tahun depan. Sebenarnya untuk setiap tahun dalam 22 tahun seterusnya.

Jemaah Menteri harus bertanggungjawab terhadap tugas merunding semula kontrak Lebuhraya Utara-Selatan ini dan hentikan kenaikan kadar tol tahunan oleh PLUS kerana jelas mengkompromi kepentingan orang ramai. Kontrak yang tidak adil ini telah ditandatangani dalam tahun 1980-an demi membolehkan UMNO membayar kos Putra World Trade Centre. Pengakuan ini telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden UMNO sendiri dan rekod ialah rekod terbuka. Saya pasti Yang Berhormat dari Sungai Siput sebagai Menteri Kerja Raya dapat mengesahkan kenyataan saya, kerana beliau pada masa itu merupakan Menteri Kerja Raya yang bertanggungjawab terhadap penswastan Lebuhraya Utara-Selatan yang mana kontraknya ditawarkan kepada United Engineer ialah badan predecessor kepada PLUS.

Penentangan DAP yang kuat dalam tahun 1987 ke atas kontrak Lebuhraya Utara-Selatan ini telah dibuktikan bernas, kerana kini ia telah diakui, diikuti oleh parti-parti Komponen Barisan Nasional seperti Gerakan dan Pemuda UMNO, sungguhpun kesedaran mereka ini datang 10 tahun selepas DAP. Jika Gerakan dan Pemuda UMNO berpandangan jauh seperti DAP pada masa itu, maka rakyat Malaysia generasi kini serta generasi depan tidak akan dibebankan dengan syarat yang menekan seperti yang terkandung dalam kontrak konsesi Lebuhraya Utara-Selatan. Adalah tidak adil kepada rakyat Malaysia dan generasi depan kita kerana terpaksa menanggung beban kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan untuk tempoh 22 tahun seterusnya hanya kerana UMNO perlu membayar kos Putra World Trade Centre. Rakyat Malaysia biasa tidak akan berminat dalam legal nicety, dengan izin, dalam kontrak konsesi Lebuhraya Utara-Selatan ini yang kini masih dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi.

Memandangkan keputusan penswastan Lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineer dan seterusnya PLUS adalah berpandukan kepada keputusan politik bahawa ia akhirnya ialah a political decision, maka rakyat berharap dan berkehendak Jemaah Menteri mengambil satu political decision, mengambil satu keputusan politik untuk merunding semula kontrak ini supaya mengakhiri peruntukan-peruntukan yang membenarkan PLUS mengenakan kenaikan tol tahunan ini sepanjang 22 tahun. Bukan lagi panjangkan kepada 60 tahun yang dicadangkan oleh seorang Ahli Parlimen MCA, itu lebih dahsyat, bukan untuk mengeluarkan peruntukan di mana meniadakan hak PLUS boleh menaikkan tol setiap tahun untuk 22 tahun, tetapi apa seorang Ahli

Parlimen MCA cadang ialah bagi hak untuk menaikkan, tetapi mungkin lebih rendah sedikit, tetapi panjangkan konsesi lagi 30 tahun, lagi dua generasi jadi mangsa. Itu tentulah tidak boleh diterima.

Sejak bulan Jun tahun ini, rakyat Malaysia telah membayar RM3.2 bilion kepada PLUS untuk penggunaan Lebuhraya Utara-Selatan. Masa telah tiba supaya konsesi Lebuhraya Utara-Selatan ini dirunding semula supaya lebih adil kepada pengguna dan rakyat.

Sungguhpun, penswastan dilaksanakan atas sebab kepentingan orang ramai supaya boleh membekalkan perkhidmatan yang lebih baik, yang lebih cekap, tetapi sampai sekarang tidak ada mekanisme langsung di mana kepentingan orang ramai boleh diutamakan dan diberi perlindungan. Dalam apa-apa operasi entiti-entiti yang diswastakan, masa sudah tiba untuk negara mewujudkan membentuk satu suruhanjaya watchdog mengenai penswastan, satu privatisation watchdog commission yang ada hak, ada kuasa untuk menerima, untuk menyiasat segala kompelin mengenai apa-apa syarikat-syarikat, apa-apa badan yang diberi kontrak penswastan, sama ada mengenai perkhidmatan yang buruk, kutipan, bayaran levi yang terlalu tinggi atau amalan-amalan rasuah.

Saya pernah menerima banyak kompelin, termasuk sesuatu kompelin perkhidmatan yang tidak baik, tindakan salah laku, malah amalan fraudulent yang bernilai berjuta-juta ringgit yang dilakukan oleh satu syarikat pengurus yang ada diberi perkhidmatan management services untuk Indah Water Consortium dalam satu wilayah di negara ini, dan akhirnya semua ini dibil kepada Indah Water Consortium dan akhirnya lagi akan dikenakan untuk dibayar oleh semua pengguna-pengguna. Itulah satu contoh, kenapa perlu ada satu mekanisme, satu badan di mana kepentingan orang ramai boleh diberi perlindungan. Saya harap bahawa kerajaan akan memberi perhatian dan boleh menerima cadangan menubuhkan satu privatisation watchdog commission. Kalau Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mahu butir-butir mengenai kes yang saya ada sebut di mana ada satu syarikat menjalankan management services untuk Indah Water Consortium melibatkan berjuta-juta ringgit dan akhirnya tentu akan dipikul oleh pengguna-pengguna, saya boleh beri butir-butiran, tetapi itulah satu sebab kenapa rakyat jelata tidak boleh menerima sistem penswastan semacam ini.

Tidak transparent, tidak terbuka, tidak accountable apa yang berlaku, akhirnya mereka jadi mangsa sahaja. Ada beberapa lapisan penyalahgunaan kuasa, salah pengurusan, malah pun mungkin korupsi, tetapi akhirnya siapa bayar - who pay the bill? Rakyat pay the bill melalui sewerage bills. Kenapa sewerage, mungkin kerana politik yang kotor perlu dibayar oleh rakyat.

Dalam hubungan ini, saya mahu mendesak kerajaan untuk mengkaji semula, dan bukan sahaja mengkaji semula untuk mengetepikan (abandon) rancangan untuk menubuhkan satu monopoli, mewujudkan satu monopoli tahunan yang bernilai RM360 juta mengenai peperiksaan perubatan pekerja-pekerja asing kepada Fomema Sdn. Bhd. bahawa itulah satu lagi cara penswastan. Saya rasa sangat hairan kenapa ini boleh disebut sebagai penswastan. Oleh kerana ini bukan penswastan tetapi monopoly creation dan akan menyebabkan kenaikan kos baik barang-barang atau perkhidmatan dan inilah satu cara yang sangat objectionable sama ada dari segi prinsip atau pada saat ini di mana negara kita, ekonomi kita menghadapi krisis dan kita perlu untuk rakyat berjimat-cermat.

Inilah lagi satu contoh skandal Fomema di mana kepentingan orang ramai dikorban oleh kerana keputusan untuk menunjukkan satu monopoli melakukan pemeriksaan perubatan pekerja-pekerja asing dibuat tanpa pengetahuan orang ramai, tanpa apa-apa bentuk transparency. Orang ramai termasuk Malaysia Medical Association, majikan-majikan dan agen-agen untuk pekerja-pekerja asing, semua langsung tidak tahu, all in the dark, sehingga pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kesihatan bulan lalu bahawa kerajaan sudah menandatangani satu kontrak 15 tahun dengan 'Fomema' untuk memberi monopoli, memeriksa, mengawal kesihatan pekerja-pekerja asing di negara kita.

Kenapa isu ini tidak boleh dikemukakan kepada pengetahuan orang ramai di mana ada satu perbincangan sama ada satu monopoli baik untuk negara atau tidak baik di mana ada satu perbincangan sebelum satu keputusan muktamad dibuat dan beri rakyat jelata peluang untuk mengambil bahagian kemukakan pros dan cons cadangan ini. 'Fomema' akan mengutip RM220 daripada setiap pekerja perempuan, RM205 setiap pekerja asing lelaki. Semua kadar ini lebih tinggi langsung daripada kadar pasaran sekarang di antara RM130 ke RM140 seorang pekerja asing atau mungkin lebih rendah mengikut Managing Director 'Fomema', Dr. Haniffa Abdullah, sektor bayaran ditetapkan oleh kerajaan dan syarikatnya tidak ada kuasa untuk buat

apa-apa perubahan. Saya mahu tanya kenapa Kabinet perlu menetapkan satu struktur bayaran, satu fees structure yang lebih tinggi daripada kadar pasaran sekarang ini atau adakah jemaah menteri tidak tahu langsung mengenai keadaan ini.

Kalau kerajaan mahu mewujudkan satu private monopoly mengenai pemeriksaan perubatan pekerja-pekerja asing, mungkin baru satu alasan sahaja, bahawa bayaran peperiksaan pekerja asing lebih rendah dari kadar yang sekarang ada, mungkin ada alasan. Tetapi sekarang wujud satu monopoli di mana bayaran lebih tinggi daripada yang dikutip oleh medical. Apa sistem penswastaaan ini. Ini creation monopoli, ini bukan sistem penswastaaan, ini benar-benar apa kita sebut, ini jelas contoh piratisation, bukan privatisation. Keuntungan yang akan diperolehi oleh 'Fomema' bukan kecil. Mengikut anggaran 1.7 juta pekerja asing di negara kita setiap tahun perlu buat peperiksaan, ini bererti satu turn over RM360 juta.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan kata bahawa tarikh - Foreign Workers Examination and Monitoring Agency Sdn. Bhd. (Fomema), bila Fomema akan beroperasi akan bergantung kepada laporan Economic Planning Unit. Tetapi Yang Berhormat Menteri Kesihatan sudah gagal untuk memberi jawapan kepada soalan utama - public interest question, kenapa menswastakan pemeriksaan perubatan pekerja asing dengan cara mewujudkan satu monopoli menyebabkan kos lebih tinggi, bukankah ini satu disservice kepada negara. Kerana ini adalah abuse, salah guna proses penswastaaan yang sepatutnya menyebabkan perkhidmatan lebih murah, lebih baik melalui persaingan dan bukan sebaliknya. Saya harap saya boleh dapat satu penjelasan yang jelas mengenai perkara ini oleh kerana apa yang kita lihat sebenarnya bukan penswastaaan, tetapi dengan izin, blatant creation of private monopolies.

Kita harap perkara ini patut dikemukakan kepada Dewan ini. Sebenarnya kalau perkara ini dikemukakan kepada Dewan ini, pernahkah Dewan buat satu keputusan sama ada sokong menerima penswastaaan perubatan pemeriksaan pekerja-pekerja asing melalui Fomema? Saya percaya atas kepentingan orang ramai biarkan Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional buat keputusan sokong cara ini atau tidak. Oleh kerana kita perlu akhirnya balik kepada orang ramai untuk mempetahankan pengundian kita.

Saya percaya kalau cadangan ini dikemukakan dalam Dewan ini, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional

kalau kita menganggap ini bukan satu parti, kalau isu parti politik boleh ditolak oleh kerana itulah irrational, bukan penswastaaan, creation private monopoli untuk kepentingan segelintir orang at the expand negara dan orang ramai.

Saya mahu memuji Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas cadangannya mengenai rebate cukai RM400 untuk pembelian personel computer setiap keluarga. Ini adalah satu cadangan yang baik. Kita lihat bahawa ada RM60 juta diperuntukkan untuk rebate ini, bererti bahawa mungkin kerajaan anggarakan 150,000 keluarga akan menikmati rebate ini dalam tahun depan. Tetapi saya rasa RM400 ini terlalu kecil. Kalau kita mahu menggalakkan rakyat Malaysia boleh ke depan (vanguard) dalam teknologi maklumat, kita patut beri insentif yang lebih tinggi. Saya cadang naikkan RM400 rebate kepada RM2,000. Kita pun perlu sedar bahawa kita tidak mahu mewujudkan dua kelas rakyat Malaysia dalam masyarakat maklumat. Antara mereka yang kaya maklumat dan mereka yang miskin maklumat, khasnya dengan rebate ini mereka yang bayar cukai. Mereka yang tidak bayar cukai, mereka tidak diberi apa-apa bentuk galakan. Only the tax paying Malaysian's bolehlah menikmati galakan RM400 melalui Budget, RM2,000 melalui cadangan saya.

Kita boleh mengabaikan golongan besar di mana mereka tidak bayar cukai, bukan bererti bahawa mereka ada keluarga tidak bayar cukai, anak-anak mereka tidak patut berpeluang untuk menyertai revolusi maklumat. Saya desak Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Budget ini beri satu signal yang jelas bahawa dalam usaha membentuk satu masyarakat maklumat untuk menggalakkan semua rakyat boleh semacam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita tidak mahu rakyat jadi bias standers of information revolution. Kita mahu semua rakyat, participant, players information technology, bahawa dalam summing-up apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menggulungkan Budget, dia akan menyempurnakan cadangan ini dengan mengumumkan satu tabung khas di mana keluarga yang tidak bayar cukai boleh pinjam wang untuk membeli personel computer tanpa faedah supaya kita tidak mewujudkan satu jurang yang baru. Kita sudah ada jurang disparity yang banyak. Di luar bandar jurang miskin dan kaya banyak, tetapi janganlah kita mewujudkan lagi satu disparity yang baru.

Di sini saya mahu menggunakan peluang ini untuk menanyakan kenapa Multimedia Super

Corridor, Flagship Application nampaknya tidak dijalankan mengikut jadual. Sebagai satu contoh, dalam awal tahun ini Ketua Setiausaha Negara, Dato' Halim Ali umumkan bahawa dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan satu antara tujuh Flagship Application ialah kerajaan berelektronik bahawa satu pilot programme, satu pilot projek akan dilancarkan di Klang Valley di bulan September tahun ini, di mana penduduk-penduduk di Klang Valley boleh pergi infokiosk di mana mereka boleh bayar lesen, membarui lesen, bayar cukai, memohon pasport di electronic kiosk yang diletakkan di beberapa tempat di Lembah Klang. Kita tahu dua jenis kiosk ini, satu jenis kiosk untuk mendapat maklumat dan ini kita pun boleh lihat di sana-sini. Tetapi kiosk yang dimaksud oleh Ketua Setiausaha Negara ialah kiosk untuk transaksi dengan kerajaan, boleh membarui lesen, boleh membayar cukai dan boleh memohon pasport. Semua ini akan diletakkan di pusat-pusat shopping complex, di tempat-tempat bangunan pejabat. Ini satu pioneer projek yang akan dilancarkan di bulan September. Ini diumumkan di bulan Mac. Tetapi sekarang sudah mahu masuk November, apa sudah jadi. Tidak dengar lagi, tidak ada berita lagi. Bagaimana Multimedia Super Corridor boleh raise to the intelligent state apabila tidak ada perkembangan yang setaraf dengan matlamat kita. Saya harap bahawa kita boleh dapat satu penjelasan daripada pihak kerajaan.

Akhirnya, minggu depan kita semua merayakan Deepavali pada 30 Oktober 1997. Tetapi sedih kerana nampaknya ada pegawai-pegawai yang tidak berminat, sensitif, hormat kepada pelbagai kebudayaan dan agama dalam masyarakat majmuk Malaysia. Saya diberitahu bahawa dalam jadual peperiksaan akhir tahun, Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Cochrane dan lain-lain jadual peperiksaan akhir tahun Tingkatan Satu dan Dua ditetapkan peperiksaan pada eve of Deepavali iaitu 29 Oktober 1997. Ada pendidikan seni, geografi dan lain-lain. Mungkin ini pun berlaku dalam semua sekolah di tanah air kita. Permintaan ibu bapa murid-murid India yang akan merayakan Deepavali ialah bahawa patutlah pada eve Deepavali 29 Oktober patutlah ditukar jadual itu. Kosongkan supaya apa-apa agama, apa-apa bangsa hari besar mereka boleh senang hati untuk merayakannya. Saya harap Kementerian Pendidikan boleh ambil perhatian bukan sahaja mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Cochrane, tetapi untuk semua sekolah tukar semua jadual peperiksaan 29 Oktober kepada selepas Deepavali supaya semua open

house, semua festivity, semua orang boleh celebrate dengan senang hati. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang.

4.11 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Wassalamu ala manitamaal hudu. Dewan ini pernah diperkenalkan dan sekali lagi diperkenalkan dengan Belanjawan Nabi Yusuf Alaihissalam yang diberi amanah menjaga khazanah negeri Mesir. Baginda merancang melalui mimpi benar seorang Rasul yang dipelihara oleh Allah untuk mengambil kesempatan daripada tahun-tahun subur dengan membuat persediaan bagi menghadapi tahun-tahun kemarau. Walaupun mimpi kita tidak sama seperti mimpi Nabi Yusuf Alaihissalam kerana sering diganggu syaitan sehingga tidak dapat membezakan di antara mimpi benar dengan mimpi bohong, namun banyak iktibar yang boleh kita ambil bermula daripada mewujudkan dasar yang betul dan amalan berjimat cermat yang tepat. Tetapi apabila iktibar tidak dilaksana di tahun-tahun kemelesetan ini memaksa kita mengambil Budget Nabi Noh Alaihissalam selepas dilanda taufan yang ganas sehingga memerlukan catuan yang rapi dan cermat, tetapi janganlah sampai kita membelah tabung.

Untuk mencontohi Nabi Yusuf Alaihissalam, mestilah relevan dengan dasar, prinsip dan cara yang diamalkan. Kalau tidak, maka menjadi kesilapan besar kerana memperalatkan ayat-ayat Al-Quran dengan menyalahi tujuan ia diturunkan supaya kita mengambil iktibar dan pengajaran secara sempurna, bukan secara tebuk-tebukan dan tempel-tempelan sahaja. Seperti sikap orang-orang Yahudi yang dilaknat oleh Allah kerana beriman dengan sebahagian kitab Taurat dan kufur dengan sebahagian yang lain. Dinyatakan oleh Tuhan di dalam Al-Quranul Karim [*membaca ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud: "*Adakah kamu beriman dengan sebahagian kitab dan kamu kufur dengan sebahagian yang lain, maka tiada balasan bagi sesiapa yang melakukan demikian, melainkan kerugian hidup di dunia dan di akhirat nanti dicampakkan ke dalam azab yang pedih. Allah tidak lalai dari apa yang kamu kerjakan. Mereka itulah orang-orang yang membeli kehidupan dunia dengan akhirat dan mereka tidak sekali-kali diberi pertolongan oleh Tuhan.*"

Tuan Yang di-Pertua, untuk menilai relevan ataupun tidak, maka kita perlu membuat muhasabah

terhadap perkembangan dan cara tindakan yang diambil secara detail dan tepat. Bermula daripada cara Nabi Yusuf Alaihissalam menegakkan tauhid dan menolak syirik dengan tegas sehinggalah merancang dengan bijaksana, berjimat cermat dan tidak boros di masa subur, bukannya bersyirik di masa senang dan susah, merancang dengan bijaksana, berjimat cermat dan tidak boros di masa dihantuk kemarau dan kemelesetan. Nabi Yusuf Alaihissalam menegaskan sebelum menerima apa-apa jawatan dan diberi tugas [*membaca ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud: "*Sesungguhnya aku telah meninggal anutan kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka mengukufuri hari Akhirat, aku mengikut agama bapa-bapaku Ibrahim, Ismail, Ishak dan Yaakub, kami tiada sekali-kali menyekutui Allah sedikit pun, sebenarnya itulah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia, tetapi kebanyakan manusia itu tidak bersyukur.*" Dengan makna menegakkan tauhid dalam diri dan negara yang tunduk kepada syariat Allah sepenuhnya merangkumi semua aspek, politik, ekonomi, pendidikan di samping berakhlak mulia dan merancang dengan bijaksana, ikhlas dan luhur.

Tuan Yang di-Pertua, ketika negara kita mengalami ujian getir yang menjerebukan segala-galanya, bukan sahaja alam sekitar, tetapi juga keadaan ekonomi dan sosial yang lebih menjadi perbualan terakhir ialah kejerebuan ekonomi yang dilanda oleh kemerosotan nilai Ringgit dan kejatuhan saham, tetapi tidaklah sampai kepada kemelesetan ekonomi yang sangat teruk kerana perkembangan ekonomi itu masih ada. Banyak pihak menyalahkan pihak luar yang menimbulkan spekulasi yang mempengaruhi ekonomi ke arah negatif, oleh rasa tidak senang pihak asing kepada perkembangan ekonomi negara yang pesat berjalan beberapa tahun kebelakangan ini. Tidak dinafikan adanya spekulator asing yang memainkan peranan yang tidak baik sehingga menyebabkan ekonomi negara menurun. Saya pernah mengingatkan dalam Dewan ini dalam beberapa kali penyertaan perbincangan Belanjawan di tahun-tahun yang lalu betapa negara kita masih dalam belunggu penjajahan ekonomi, politik dan sosial yang berbentuk baru, walaupun telah diisytiharkan kemerdekaannya sejak 40 tahun.

Oleh kerana ekonomi negara pada masa itu berada dalam keadaan yang baik dan memberangsangkan, maka pihak kerajaan sering kali bertepuk dada dengan megah dan bangga bahawa segala-galanya hasil daripada kebijaksanaan mereka semata-mata. Ya, kebijaksanaan itu ada, tetapi kita memperingatkan kerajaan beberapa

perkara seperti sikap boros melalui projek-projek mega yang terlalu dijadikan anak manja yang dipuja kerana ada kalangan-kalangan yang tertentu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengannya, dan ada beberapa penyelewengan yang tidak sihat berlaku juga. Nasihat itu lebih banyak dicemuh daripada diterima. Saya tidak mahu menuding jari semata-mata, tetapi jari juga perlu dituding kepada mereka yang menyembunyikan kesilapannya dan menyalahkan orang lain semata-mata.

Kita sedar betapa peranan Soros dan orang-orang sepertinya juga ada, tetapi di dalam negeri juga ada siboros yang mementingkan projek-projek mega dan tidak mega yang tidak penting. Tetapi semata-mata untuk mengambil kesempatan daripada kuasa pemerintahan dan orang-orang yang berkuasa, dan mereka yang membuat gaya lebih sehingga mempengaruhi pasaran saham dan mata wang yang memberi kesan kepada ekonomi negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kita lupa ketika kepesatan melaksanakan projek mega, keperluannya banyak bergantung kepada bahan-bahan yang diimport sehingga ketika negara menghadapi masalah kekurangan simen dan besi, cara penyelesaiannya ialah import, sedangkan terlalu banyak bahan-bahan mentah yang boleh diproses dalam negara untuk keperluan negara. Terdapat negara-negara yang tidak mempunyai bahan dalam dunia ini, yang tidak mempunyai bahan seperti kitabo mengangkut dan mengambil manfaat daripada bahan kita untuk dieksport oleh mereka kepada kita pula, kerana alasan jangka pendek bahawa kita mengimport lebih ekonomik daripada diproses dalam negeri sendiri semuanya untuk jangka pendek dengan rakus. Kebanyakan negara menggantungkan ekonomi dan kewangan mereka kepada alasan-alasan dan asas-asas yang kukuh, kita pula tamak dengan pasaran saham yang bergantung kepada spekulasi. Dahulu pernah disengat oleh Pound British, sekarang disengat pula oleh Dolar Amerika. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda [*membaca Hadis dalam bahasa Arab*] bermaksud: "*Tidak harus orang-orang yang beriman itu disengat sebanyak dua kali dari satu lubang.*"

Tuan Yang di-Pertua, mata wang yang banyak bergantung kepada spekulasi yang memberi impak kepada pasaran saham yang menjunam akibat daripada permainan kuasa ekonomi asing. Perlu dinilai juga kebijaksanaan kita sendiri dalam

mempunyai ketahanan apa sahaja yang dilakukan oleh orang-orang lain dalam menghadapi kejahatan mereka atau kerana kebodohan kita sendiri. Dan lebih malang usaha pemulihan dilakukan dengan tujuan untuk menyelamatkan golongan-golongan korporat yang bersekongkol dengan kerajaan yang lebih diutamakan daripada rakyat miskin dan termiskin yang terjejas daripadanya. Dan usaha menyelamat pula dengan menggunakan wang negara yang menjadi milik rakyat juga seperti wang Petronas dan KWSP untuk mengambil bahagian bagi menimbus lubang-lubang yang menjunamkan mata wang.

Kita perlu juga mengambil iktibar daripada negara lain yang tidak terjejas dengan spekulasi ini seperti Hong Kong, Brunei dan Singapura yang selama ini dianggap kecil oleh Malaysia tidak kelihatan terjejas, kalau terjejas pun terlalu sedikit. Begitu juga dengan Cina yang juga bergantung kepada Dolar Amerika. Kita tidak perlu membesar-besarkan sangat George Soros, seorang individu sehingga boleh mempengaruhi wang sebuah negara seperti Malaysia yang dahulu kita dakwakan menjadi sebuah negara Dunia Ketiga yang terulung, termaju, terbesar, terbijak dan lain-lain ter lagi, sangat memalukan dispekulasikan oleh seorang individu yang bernama Soros itu sahaja. Saya tidak menafikan Soros juga ada peranan jahatnya, tetapi kalau dia seorang sahaja lawan sebuah negara, maka alangkah lekehnya kita dan pemimpin kita yang dianggap wira Dunia Ketiga itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah meletakkan tanggungjawab di dalam kerajaan yang memerintah yang telah melakukan kesilapan-kesilapan yang juga menjadi sebab kepada kemelesetan, seperti keluarnya kenyataan-kenyataan yang berdegardegar yang memberi implikasi tekanan yang tidak boleh dibalas dan dibendung, pembaziran oleh projek-projek mega, berduyun-duyun rombongan Kerajaan Pusat dan negeri keluar negara termasuk mereka yang diberi habuan selepas Perhimpunan Agung UMNO dan untuk pemilihan yang akan datang. Rasuah di sektor awam dan swasta yang terlepas daripada undang-undang dan pihak BPR kerana terdiri daripada jerung-jerung yang besar di mana sering kali berlaku apabila hendak diambil tindakan, maka menjadi was-was dan akhirnya dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah menunjukkan contoh yang baik dengan menghalang spekulasi yang mengambil kesempatan daripada kejutan ekonomi sekarang, mengura-urakan kenaikan bayaran tol Lebuhraya Utara-Selatan dan

akan diikuti oleh yang lain hendaklah dibendung dengan segera, kerana kalau dibiarkan diikuti oleh kenaikan harga barang-barang kerana perkembangan mata wang yang tidak kuat itu, maka seruan inflasi sifar yang pernah dilaungkan sebelum ini akan tinggal menjadi angan-angan sahaja sekiranya tidak ditangani dengan sebaik-baiknya.

Cadangan supaya memberhentikan pembaziran dan jimat cermat sepatutnya sejak awal-awal lagi di masa berkembang subur, lebih-lebih lagi di masa kemelesetan seperti yang dilakukan oleh Nabi Yusuf merancang ketika subur, kita merancang cermat ketika meleset, dan hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh jimat cermat itu 'kepimpinan melalui teladan' inilah masanya untuk dipraktikkan secara ikhlas, bukan secara munafik. Dalam sejarah Islam, apabila berlakunya inflasi di zaman Saidina Umar (r.a.) baginda menunjukkan contoh apabila membeli makanan yang sama dengan kemampuan rakyat miskin. Kita tidak mahu mereka yang berpura-pura menggunakan Proton, tetapi di keliling rumah dipagari oleh kereta-kereta mewah yang banyak. Saya menyokong langkah-langkah untuk menggalakkan bahan-bahan tempatan dalam perkembangan industri di negara ini bagi mengurangkan import, tetapi usaha dan langkah yang gigih ke arah itu hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dengan mempertingkatkan industri kecil dan menengah yang menjadi penyokong kepada industri-industri besar, maka bantuan yang lebih mudah oleh pihak kerajaan dan swasta yang berbentuk kewangan secara tidak riba, tidak menindas dan cara mudarabah yang memberi keuntungan kepada semua pihak, tidak menindas dan menekan hendaklah digiatkan.

Mu'amalah Islam yang dilakukan oleh bank Islam dan kaunter yang bernama Islam oleh bank-bank konvensional hari ini sebenarnya masih dibelenggu oleh cara-cara yang tidak memberi maslahat kepada semua pihak. Sepatutnya panel syarikat yang dibentuk hendaklah diberi tempat untuk mengkaji semua mu'amalah Islam dalam semua mazhab untuk jangka panjang dan jangka pendek, bukannya untuk mendapat keuntungan jangka pendek dari aspek politik dan wang semata-mata.

Penekanan lebih banyak ditumpukan dalam muamalah Al-Bai' Bithaman Ajil, muamalah secara mudharabah hanya kepada tulisan sahaja, pada praktiknya tidak banyak dan berkesan. Begitu juga dalam muamalah yang lain seperti Ar-Rahn, Al-Muthaqa dengan para petani dan lain-lain

hendaklah diperkenalkan. Apa yang berlaku sekarang muamalah Islam tidak diselaraskan dengan usaha mencegah kemungkarannya ekonomi yang paling besar iaitu riba di mana usaha ke arah menghapuskan riba tidak ada langsung, di mana riba ini menjadi senjata Yahudi paling besar untuk menguasai ekonomi di seluruh dunia dan menguasai mata wang di seluruh dunia.

Bank Negara sekarang ini menjadi payung kepada amalan wujudnya dua jenis bank dalam negara kita, Bank Islam yang tidak mengadakan riba dan bank konvensional yang melaksanakan riba. Berlakunya kontradiksi dalam muamalah dan tabungan Bank Islam kurang daripada 1% kalau dibandingkan dengan bank-bank perdagangan sahaja. Dalam masa yang sama tidak ada usaha yang menunjukkan ke arah bersungguh-sungguh menghapuskan muamalah riba yang diharamkan oleh Islam dengan sekeras-kerasnya. Firman Allah S.W.T. [*Membaca Ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggallah saki baki daripada riba jika sekiranya kamu benar-benar beriman, maka jika kamu tidak melakukannya maka bermakna kamu mengizinkan Allah dan RasulNya menentang kamu dengan sekeras-kerasnya.*"

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah berusaha supaya mendakwahkan diri sendiri dan negara-negara umat Islam termasuk negara-negara Arab yang kaya dengan minyak dan bahan-bahan yang lain supaya bersama-sama melepaskan diri daripada kongkongan kuasa-kuasa Barat yang menjajah ekonomi mereka dengan mengambil kesempatan daripada sumber ekonomi negara-negara umat Islam sendiri dan negara-negara dunia ketiga termasuk ASEAN yang kaya dengan bahan-bahan mentah dan sumber manusia, maka pasaran bersama Islam yang lebih meluas dapat diwujudkan bersama-sama dengan negara-negara yang sedang membangun, saya percaya ia akan menjadi kuasa besar ekonomi yang menjadikan kita tidak lagi bergantung kepada Dollar dan konco-konconya. Tetapi saya menyedari untuk melaksanakannya terlalu banyak rintangan dan besar cabarannya dan cabaran itu boleh dihadapi sekiranya kita bersatu untuk membebaskan diri daripada belenggu tersebut.

Kami menyedari bagaimana nasib yang dihadapi oleh kerajaan campuran yang dipimpin oleh Parti Islam Rafah di Turki yang berusaha menghadapi masalah kejatuhan mata wang Lira yang menjunam lebih teruk daripada Ringgit dan mencapai kejayaan

sedikit demi sedikit dan usaha Perdana Menteriya Profesor Najmuddin Arbakan untuk mewujudkan kuasa baru ekonomi daripada gagasan beberapa buah negara umat Islam termasuk Malaysia tetapi pihak musuh di kalangan negara-negara penjajah Barat menjadikan usaha mulia itu satu faktor kejatuhan kerajaan campuran Turki. Tetapi kebanyakan negara-negara umat Islam masih bersekongkol dengan musuh walaupun sahabat mereka dimamah satu demi satu.

Tuan Yang di-Pertua, segala bahan mentah yang penting dalam dunia seperti petroleum, logam-logam besi, tembaga, emas, perak, getah dan lain-lain dimiliki oleh negara umat Islam dan dunia ketiga di Asia, Afrika dan Amerika Latin tetapi diambil kesempatan oleh kuasa-kuasa besar ekonomi yang tidak ada bahan-bahan itu pun penjajah ekonomi moden meneruskan penjajahan lama berbentuk baru, new colonialisme mengambil kesempatan daripada tiada perpaduan di kalangan negara-negara yang lemah.

Walau bagaimanapun, kita mengharapkan penjerebuan ekonomi dapat menyedarkan diri supaya kita membebaskan diri terlebih dahulu daripada penjerebuan pemikiran oleh ideologi penjajah asing yang sangat merugikan kita dalam segala aspek sehingga kita mempunyai sikap yang bijak, berani dan ikhlas di antara satu sama lain.

Saya mencadangkan supaya kerajaan kita jangan bersendirian dalam menghadapi cabaran ini. Tetapi hendaklah secara bersama dengan semua pihak di dalam negara ini maka suatu majlis perunding ekonomi negara bagi menangani masalah ini hendaklah diadakan dengan melibatkan semua pihak kerajaan, walaupun pembangkang, tenaga akademik, golongan korporat yang berwibawa, mereka ini masih ramai dalam negara kita, tetapi berselerak tidak diorganisasikan, dibiarkan berkelahi melalui meja masing-masing, bukannya digabungkan di atas satu meja dalam hidangan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin peringatkan kerajaan ialah kerana dalam menangani untuk mengubah tabiat masyarakat ketika menghadapi masalah ekonomi, seringkali yang menjadi prinsip ialah faktor material seperti menggalakkan sesuatu secara menurunkan cukai dan menyekat sesuatu secara menaikkan cukai tanpa memberi penekanan dalam aspek-aspek yang lain, yang menjadi naluri manusia kerana mereka merupakan makhluk yang berkesedaran dan berfikiran bukannya boleh diubah seperti kayu, batu dengan menaik turun cukai sahaja, mereka

mempunyai roh, akal, perasaan individualistik, bermasyarakat dan memerlukan kebendaan. Material menjadi salah satu sahaja daripada beberapa keperluan mereka di kalangan keperluan yang lain, kegagalan kapitalisme, liberalisme, sosialisme, komunisme dan beberapa agama kerana tidak memberi penekanan dalam semua aspek yang menjadi naluri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam keresahan menghadapi masalah ekonomi hendaklah dikaitkan juga dengan politik, pendidikan, moral dan lain-lain di mana semuanya diberi penekanan oleh wahyu yang terkandung di dalam kitab Allah apabila kita mengabaikannya masalah politik, masalah ekonomi, moral dan lain-lain, maka kita juga dilanda pelbagai masalah yang lain walaupun tidak berkaitan dengannya. Kalau kita mematuhinya maka semua masalah dapat diselesaikan. Firman Allah S.W.T. [*Membaca Ayat Al-Quran*] yang bermaksud: "*Kalau mereka, yakni golongan Yahudi dan Kristian menegakkan ajaran Allah yang terkandung di dalam Taurah, Injil dan apa-apa yang diturunkan daripada Tuhan mereka, nescaya mereka dapat memakan rezeki melimpah ruah kurnia Allah yang datang dari atas dan bawah kaki-kaki mereka, di kalangan mereka terdapat golongan yang berada di jalan pertengahan yang benar dan kebanyakan di kalangan mereka berlaku sangat buruk.*"

Tuan Yang di-Pertua, dalam keresahan menghadapi masalah ekonomi, saya ingin mengingatkan kepada masalah yang masih belum selesai, iaitu politik wang yang juga memudaratkan negara. Baru-baru ini, Setiausaha Agung UMNO telah mendedahkan istilah zakat yang menjadi salah satu ibadah dalam Islam dan menjadi salah satu rukunnya telah disalahgunakan oleh ahli parti UMNO yang paling berkuasa dalam kerajaan. Tuduhan terhadap orang lain memperalatkan agama untuk kepentingan politik terkena kepada diri mereka sendiri, kenyataan ini menunjukkan gejala politik wang sebenarnya makin parah dalam UMNO, maka bagaimana mereka boleh menjadi contoh untuk menjamin keutuhan amalan demokrasi berparlimen yang adil dalam negara kita, melihat kepada masih berlakunya penyakit ini dan masih menular lebih jauh dan lebih sistematik untuk dikeluarkan daripada kesalahan rasuah dan melompat di luar undang-undang oleh pelbagai jentera kerajaan dan swasta dalam beberapa pilihan raya kecil yang diadakan dan akan diadakan beberapa hari lagi maka terlalu tipis untuk mengatasinya dalam pilihan raya umum akan datang dan juga pemilihan UMNO sendiri. Apa

yang paling dibimbangkan ialah kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap negara kita dan kepercayaan ini pula menjadi pergantungan kepada ekonomi negara yang sedang merosot.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya menyebut perkara ini kerana natijah daripadanya akan dipikul oleh semua pihak sama ada kerajaan dan begitu juga pembangkang, maka menjadi tanggungjawab kami juga untuk menyedarkan pihak kerajaan yang telah sedar tetapi tidak boleh menjadi contoh yang baik untuk menyelesaikannya kerana masing-masing di dalam kerajaan mempunyai kepentingan mereka yang tersendiri sehingga politik wang akan bertukar menjadi tabiat yang susah dibuang sehinggalah yang lebih berpelajaran di masa akan datang dapat mengubahkannya, insya-Allah.

Politik wang sebenarnya menghilangkan kepercayaan secara ikhlas, melupakan keyakinan sehingga menghidupkan spekulasi yang menjadi salah satu sumber yang mempengaruhi politik, ekonomi negara secara negatif seterusnya menyuburkan rasuah yang menjahanamkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana penurunan mata wang, kita jangan lupa kepada penurunan kemuliaan akhlak dan keluhuran moral oleh gejala sosial yang diperkatakan beberapa bulan yang masih dekat. Tetapi hampir hendak dilupakan setiap orang yang menyedari betapa tingginya harga kemanusiaan kurnia Allah merasa terpanggil

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh Ahli Yang Berhormat kita ini di dalam satu organisasi yang besar, termasuklah di dalam organisasi PAS sendiri, tidak semuanya ahli PAS yang bersih, jadi, kalau Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa UMNO ini rasuah, saya kira tak patut. Saya minta Ahli Yang Berhormat sebagai seorang pemimpin Islam, kita tidak bolehlah hendak tunjuk mengatakan keseluruhan, dalam keluarga sendiri ada anak kadang-kadang anak yang jahat, yang buas, tidak ada semuanya baik, begitu juga dalam mana-mana organisasi.

Jadi, apabila Setiausaha Agung UMNO mengatakan, dia tidak kata semua, dia kata, ada golongan yang menggunakan ayat zakat sebagai cara mengumpun undi, mungkin mereka bergerak ke kampung untuk mendapat sokongan. Jadi, Ahli

Yang Berhormat tidak boleh menuduh keseluruhannya.

Jadi, saya harap kalau boleh Ahli Yang Berhormat perbetul balik ayat itu kerana di dalam organisasi PAS sendiri kadang-kadang pemimpin PAS mengatakan sesuatu, pengikutnya jadi lagu lain kerana pemimpin PAS menyokong tindakan kerajaan tetapi penyokong-penyokongnya menentang balik kata-kata pemimpin.

Jadi, ini adalah lumrah dalam setiap organisasi yang besar. Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju yang menggunakan perkataan zakat itu mungkin UMNO akan mengambil tindakan kalau kita dapati benar dan Ahli Yang Berhormat sendiri boleh buat laporan kepada Setiausaha Agung UMNO kalau ada ahli-ahli UMNO yang cuba hendak mempengaruhi orang PAS untuk masuk ke UMNO dan sebagainya dengan menggunakan perkataan zakat dan sebagainya.

Jadi, kita terbuka dan tindakan disiplin telah pun diambil oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO untuk menangkis ahli-ahli UMNO yang cuba menggunakan wang untuk mendapat pengaruh daripada masyarakat ahli-ahli UMNO.

Jadi, ini adalah satu benda yang baik yang dilakukan oleh UMNO untuk memastikan bahawa parti UMNO ini adalah parti yang benar-benar bersih, terutama pemimpin-pemimpin UMNO ini sebagai pemimpin yang bersih. Kalau takdirnya ada juga seorang dua mungkin dia akan menerima hukuman di akhirat, jadi, Ahli Yang Berhormat sebagai seorang pemimpin yang mengatakan pemimpin melaung-laungkan perjuangan Islam sepatutnya Ahli Yang Berhormat lebih faham dan menegur secara yang lebih membangun daripada mengkritik keseluruhan ahli-ahli UMNO. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak perlu diperbetulkan kerana apa yang saya katakan itu betul. Apa yang saya mahu, bukan saya menuduh secara keseluruhan tetapi yang penting ialah dapat mengatasi masalah tersebut, apa yang berlaku sekarang bukannya lagi tidak dapat mengatasi, tetapi ditambah dengan berkembangnya gejala-gejala tersebut dengan cara yang lebih pesat sehingga melibatkan kewangan yang terbabit dengan kerja-kerja ibadah yang dilakukan oleh umat Islam dan apa yang berlaku menunjukkan bahawa masih belum bersih, maka perlu dibersihkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kembali kepada tajuk iaitu supaya kita jangan lupa kepada penurunan

kemuliaan akhlak dan keluhuran moral oleh gejala sosial yang diperkatakan beberapa bulan yang masih dekat tetapi hampir hendak dilupakan sekarang. Setiap orang yang menyedari betapa tingginya harga kemanusiaan kurnia Allah, merasa terpanggil untuk memberi sumbangan secara bertanggungjawab terus-menerus dan berpanjangan bukannya bermusim untuk menangani gejala sosial yang hebat diperkatakan oleh semua pihak yang dirintihkan oleh keruntuhan akhlak yang berlaku di kalangan masyarakat dewasa ini. Tetapi akhir-akhir ini berubah menjadi perkara sampingan sahaja ditenggelami oleh isu-isu baru yang ditonjolkan oleh pihak yang berkenaan yang tidak memandang serius tentang masalah akhlak.

Sepatutnya, perkara keruntuhan akhlak dikira lebih berbahaya daripada HIV dan virus Coxsackie yang ditemui di Sarawak kerana penyakit-penyakit jasad merupakan buah daripada penyakit rohani yang membawa benih kepada semua gejala yang melibatkan roh seperti hilangnya rasa bertanggungjawab.

Penyakit jasad seperti AIDS, penyakit kerajaan dan rakyat seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, merosakkan harta awam dan sebagainya, penyakit jasad hanya mengenai tubuh sementara waktu boleh selesai dengan sembuh apabila diubati atau dengan mati meninggal dunia. Adapun penyakit akhlak membawa dosa yang menghasilkan penyakit jasad dan membebankan masyarakat seterusnya ke dalam neraka selepas meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhlak menjadi salah satu keperluan manusia, mengikut naluri yang ditetapkan oleh Allah, di mana mereka tidak boleh mengeluarkan diri daripadanya dan menjadi pembeza yang ketara di antara manusia dan binatang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kerana Ahli Yang Berhormat dari Marang prihatin terhadap masalah kebejatan sosial. Bagaimanapun saya agak berbeza dengan satu pandangan yang merangkumkan bahawa perkara ini telah menjadi sampingan. Ini tidak betul kerana program-program mengatasi masalah kebobrokan akhlak dan juga kebejatan sosial adalah satu perkara yang sentiasa berjalan iaitu 'on going'. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa pada minggu lalu, saya telah menyorot mengenai masalah kebobrokan sosial

dalam erti kata pembelaannya menerusi kewartawanan sehingga saya juga mencadangkan supaya diwujudkan satu kesedaran di kalangan wartawan supaya perkara ini diberi satu perspektif yang mendalam supaya mereka dapat menulis dengan satu komitmen yang amat dalam supaya kesedarannya di kalangan rakyat adalah merebak luas. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana memainkan peranan melalui bidang Ahli Yang Berhormat. Tetapi perlu kita menyedari bahawa di sana terdapat mereka yang mengambil bidang yang sama juga untuk mengotorkan apa yang telah dibersihkan. Saya menyebut perkara ini kerana akhir-akhir ini kelihatan perkara ini seperti hendak didiamkan ataupun diperkatakan secara sekali-sekala sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari cara membentuk akhlak manusia berbeza dengan makhluk Malaikat yang sangat mulia akhlaknya itu dan berbeza dengan cara menjinakkan binatang, maka dalam menentukan ketinggian moral ada di kalangan manusia menjadi lebih mulia daripada Malaikat mukarrabin dan ada yang lebih jahat daripada binatang buas.

Akhlak menjadi salah satu daripada keperluan roh, saya jelaskan mengapa ada manusia yang lebih mulia daripada Malaikat mukarrabin kerana Malaikat tidak mempunyai nafsu oleh kerana tidak ada perjuangan di dalam diri, ada pun manusia ada hawa nafsu dan ada perjuangan di dalam diri, oleh kerana itu mereka mencapai martabat yang tinggi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap!

Dan di sana ada manusia yang lebih jahat daripada haiwan, kalau haiwan buas, dia boleh membunuh beberapa orang sahaja, manusia yang buas dengan keilmuan sains, teknologi yang ada padanya boleh mencipta senjata yang membunuh berjuta-juta manusia dalam sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari betapa akhlak menjadi salah satu daripada keperluan roh yang menjadi satu rukun daripada kejadian manusia sehingga setiap orang tidak boleh memisahkan diri daripadanya, laksana mereka tidak boleh memisahkan diri daripada makan minum. Udara yang disedut melalui saluran pernafasan dan jantung yang berdenyut bagi keperluan tubuh

badannya, begitulah juga keperluan akhlak bagi diri manusia. Silakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Marang ini, adakah Ahli Yang Berhormat sedar masalah sosial ini masalah bersama, bukan sekadar kerajaan, ibu bapa, para pemimpin, para ulama patut memainkan peranan.

Jadi, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat saya nampak hanya meletakkan kesalahan ini kepada kerajaan sedangkan Ahli Yang Berhormat sedar sebagai pemimpin Islam dan sebagai orang-orang yang berakhlak baik, kita perlu menegur dan membantu untuk membaiki masalah sosial ini.

Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat setakat hari inilah, apakah parti PAS telah buat untuk bersama-sama menangani masalah sosial ini kerana saya dapat melihat dalam kawasan saya di Bukit Choreh, Yang Berhormat, seorang penyokong Ahli Yang Berhormat dia yang merogol anaknya. Di Bukit Choreh dia 'periap' anak dia, anak yang kedua dan anak yang pertama dia pi

Tuan Yang di-Pertua: Dia apa Yang Berhormat? Yang Berhormat!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Dia apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dia 'periap'.

Tuan Yang di-Pertua: Dia 'periap', ya!
[Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, ini masalah sosial yang dihadapi bukan setakat seluruh negara, jadi, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat memberi pandangan dan kita bersama untuk mengatasi masalah ini. Ibu bapa kena jaga anak-anaknya, keluarganya, pemimpin patut memberi teguran, tidak kiralah PAS atau UMNO kalau seseorang itu berkelakuan tidak baik, kita tegur, dengan niat tegur dan ini adalah jalan Islam kita.

Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat ingin mencadangkan selepas ucapan Ahli Yang Berhormat ini supaya kita bersama mengatasi masalah sosial ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, setiap orang perlu menyedari bahawa masalah gejala sosial adalah masalah bersama dan kami juga menyedari dan menyedari betapa masalah ini perlu ditangani secara bersama

oleh kerajaan, oleh ibu bapa, oleh semua pihak, oleh kerana sekarang saya berucap dalam Parlimen berdepan dengan kerajaan, maka saya tujukan ucapan saya kepada kerajaan. Kalau dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa maka saya tujulah kepada ibu bapa, ucapan ini ucapan dalam Parlimen, oleh kerana itulah, ini yang menjadi sasaran ucapan saya dan kita menyedari, ini tanggungjawab bersama dan kita membuka pintu kepada pihak kerajaan dan semua pihak melaporkan sesiapa sahaja di kalangan ahli PAS yang melakukan perkara yang menyalahi undang-undang, menyalahi akhlak dan kita bekerjasama dan bertindak.

Kalau kita tahu kita bertindak lebih dahulu daripada kerajaan lagi dan apa yang kita buat hanyalah sekadar kemampuan kita sebagai parti yang tidak memerintah, yang tidak menjadi kerajaan. Di tempat kita menjadi kerajaan, di Kelantan, kita laksanakan sekadar kemampuan yang kita buat, kita haramkan hiburan yang bercanggah dengan Islam, kita laksanakan beberapa program yang menggalakkan kemuliaan akhlak, ini adalah sebagai satu inisiatif yang dapat kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari media massa, cetak dan elektronik penyumbang pengaruh yang sangat besar kepada masyarakat bukan sahaja untuk menyebarkan maklumat, tetapi juga mempengaruhi fikiran dan tingkah laku, peranannya memasuki rumah-rumah kediaman, kedai-kedai kopi, warung-warung sehinggalah ke hotel-hotel mewah seterusnya menembusi pemikiran yang menentukan pegangan dan tingkah laku, maka ia laksana senjata yang boleh digunakan untuk kebaikan bagi mempertahankan diri dan untuk kejahatan bagi merompak dan melanun sasaran dan kesannya sangat meluas, sehingga melibatkan semua peringkat masyarakat daripada yang paling terpelajar sehinggalah yang paling jahil melalui berita-berita yang disiarkan, cerita-cerita yang dibentangkan, gambar-gambar yang ditayangkan semuanya tidak terkeluar daripada sama ada menyebar yang baik atau yang buruk atau mencampuradukkan kedua-dua sekali di mana natijahnya kalau dicampur aduk juga lebih menjerus kepada keburukan.

Maka berlakulah apa yang disebut oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang perlu disedari oleh kita semua [*membaca sepotong hadis*] maksudnya, "*Sesiapa yang menunjukkan satu ajaran yang baik, maka baginya pahalanya dan pahala orang yang beramal dengannya selepasnya tanpa kurang sedikit pun daripada pahala-pahala mereka dan sesiapa yang menunjukkan satu cara, satu contoh ajaran yang buruk maka baginya dosanya dan dosa*

kerana orang mengikutnya selepasnya tanpa kurang daripada dosa mereka sedikit pun."

Tuan Yang di-Pertua, apakah peranan media massa dalam perkara ini, hanya segelintir yang mengambil kira untuk membawa mesej menyuruh kepada yang baik dan mencegah kepada yang mungkar, kebanyakannya mengejar keuntungan sehingga hilang prinsip kemuliaan manusia yang diberi peranan besar untuk kemuliaan akhlak lalu disiarkan apa sahaja yang dikira menarik minat penonton dan pembaca supaya siarannya laris dan mendapat pulangan kewangan yang lumayan tanpa mengira lagi dosa dan pahala.

Ada yang mengambil sikap menghormati dan melayan semua kehendak masyarakat lalu dicampuradukkan siaran yang bersifat maklumat biasa, sedikit-sedikit ruangan agama dan lebih memberi tumpuan kepada hiburan, ada juga yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan wanita seringkali ditonjolkan sama ada dalam siaran-siaran warta berita melalui TV ataupun iklan dengan menonjolkan wanita-wanita yang mendedahkan aurat, dalam masa yang sama mengiklan solekan-solekan dan hiasan-hiasan yang tidak menepati ajaran Islam dan akhlak ketimuran. Begitu juga melalui kebanyakan rancangan drama-drama dan cerita-cerita yang ditayangkan, iklan barangan-barangan yang hendak diperniagakan sehingga bukan lagi barang-barang yang hendak dijual itu diberi tumpuan, tetapi wanita yang digunakan untuk mempromosikan barangan tersebut disolekkan dan dipakai secara tidak bersopan, begitu juga dengan rancangan-rancangan hiburan sama ada dari dalam negeri ataupun luar negeri seperti tidak dikawal dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang bertujuan untuk menyebarkan maklumat, berita politik, ekonomi, pendidikan memberi ruangan juga untuk hiburan dan sukan yang tidak senonoh dan menunjukkan berita-berita yang bersifat tidak senonoh untuk menarik minat pembaca membeli akhbar seperti berita khalwat, tujuannya bukan untuk memberi pengajaran tetapi untuk melariskan akhbar. Di samping berkembang pesatnya majalah-majalah dan buku-buku hiburan yang bersifat lucu yang semuanya diberi lesen dengan mudah dan boleh bergiat bebas, tetapi akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang menegur dan mengkritik bagi membetulkan kesilapan menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran menerima amaran dan ancaman yang

banyak bahkan individu di kalangan pendakwah dan ulama yang aktif di dalam masyarakat digambarkan dengan cara supaya dibenci oleh masyarakat.

Kebanyakan media massa mengejar keuntungan sehingga hilang prinsip kebenaran akidah, menggalakkan amal soleh dan berakhlak mulia lalu disiarkanlah apa sahaja yang dikira menarik minat kebanyakan pembaca dewasa ini yang dilanda oleh gejala sosial yang sangat membimbangkan, lalu mereka juga menjadi penyumbang untuk menyuburkan lagi gejala sosial. Kemunculan Multimedia Super Corridor dengan bermukaddimahkan Internet yang dikatakan bertujuan untuk memperkayakan maklumat dan menerimanya secara lebih terkini tidak dinafikan adanya perkara yang banyak, yang sangat positif kepada perkembangan ilmu yang berguna di dunia dan akhirat tetapi apakah langkah yang diambil untuk menolak perkara-perkara yang sangat negatif kepada pemikiran dan akhlak yang mengancam akidah dan cara hidup maka perkembangan tersebut boleh dijadikan jambatan sama ada hendak menuju ke syurga ataupun hendak menuju ke neraka.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ingatlah, sebagaimana yang diberi amaran oleh Nabi Muhammad s.a.w. [*membaca sepotong hadis*] yang bermaksud "*dibentangkan syurga dengan perkara-perkara yang tidak menyeronokkan, dibentangkan neraka dengan perkara-perkara yang menyeronokkan.*"

Dalam hadis yang lain pula disebut bahawa manusia itu laksana kalkatu, yang berlumba-lumba ke arah api yang membakarnya, walaupun dipegang untuk menghalangnya, mereka berlumba-lumba juga menuju ke arah maksiat. Demikianlah perkara maksiat akan menjadi rebutan orang ramai, maka menjadi kewajipan pihak yang berkenaan supaya peka dalam perkara ini, jangan terlalu rakus untuk mengejar kemajuan sehingga tersungkur ke bumi dan membinasa diri sendiri. Jambatan yang menuju ke neraka jangan dibina, yang telah terbina hendaklah dibakar sebelum kita dibakar.

Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan dasar media massa yang bebas menyiarkan perkara-perkara yang tidak berakhlak seperti lucah dan keganasan, maka kesan negatif daripadanya tidak dapat mempengaruhi masyarakat kerana dalam masa yang sama hendaklah disedari bahawa masyarakat kita tidak mempunyai ketahanan jiwa kerana dibentuk oleh sistem pelajaran dan pendidikan yang tidak memberi penekanan kepada prinsip membina insan yang bertakwa dan berakhlak

luhur kerana aliran yang digalakkan lebih mengutamakan aspek materialistik, maka tidak terlaksanalah di dalam masyarakat galakan mempraktikkan Firman Allah S.W.T. [*Membaca Ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan kaum keluarga kamu daripada api neraka, di dalamnya ada Malaikat-malaikat yang garang dan gagah, mereka tidak sekali-kali mendurhakai Allah dan mereka membuat apa sahaja yang disuruh.*"

Tuan Yang di-Pertua, alasan mewujudkan media massa yang bebas melalui langit terbuka kepada lebuhraya maklumat untuk mengejar kemajuan adalah suatu pembohongan yang sangat besar, adakah dengan penonjolan keruntuhan akhlak yang begitu rupa tanpa dipedulikan dapat melahirkan rakyat yang dinamis, progresif, proaktif dan memberi sumbangan produktiviti yang pesat dan apa-apa lagi yang hendak disebut menuju ke arah kemajuan. Percayalah yang akan bertambah ialah anak-anak haram, tong-tong sampah yang diisi dengan bayi yang dibuang, kilang-kilang yang bukan sahaja menambahkan jerebu pencemar udara tetapi juga jerebu pencemar akhlak. Penapis yang ada pada hari ini terlalu jarang dan rapuh dalam perkara akhlak, lebih memberi perhatian untuk menapis kritik yang dikira menyentuh kerajaan dan orang-orang tertentu walaupun membina menelusukan perkara yang memberi kesan negatif kepada akhlak. Pihak kerajaan wajib membetulkan semula cara mengawasi media massa dengan penuh tanggungjawab memikul amanah Allah yang benar-benar menggalakkan media massa yang melaksanakan kewajipan menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran, menyebarkan ilmu yang berguna di dunia dan di akhirat, menggalakkan masyarakat memungut ilmu yang bermanfaat kerana ilmu yang begitu rupa merupakan barang tercicir yang mesti dipungut oleh orang-orang yang beriman walau dari mana datangnya dan yang buruk hendaklah ditolak walau dari mana datangnya. Media yang menggalakkan pengembangan ilmu akhlak dan hiburan yang bersopan sahaja yang diizinkan, yang tidak bersopan hendaklah diambil tindakan dan diajar supaya menjadi betul dan benar.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan menjadi acuan untuk membentuk generasi di semua lapisan dan dalam semua aspek, bukan sekadar untuk mengembangkan ilmu dan melahirkan ilmuan, tetapi juga ilmu yang membentuk manusiawi sama ada menjadi pemimpin atau anggota biasa dalam masyarakat, mengubah nama daripada pelajaran

kepada pendidikan adalah memberi penekanan kepada tujuan tersebut, kebiasaannya dasar dan cara pendidikan itu mestilah menepati falsafah yang dianuti oleh sesebuah negara dan kemahuannya dalam membentuk cara berfikir dan sifat rakyat. Kerajaan Greek purba dan kerajaan sepertinya, menonjolkan cara-cara khurafat, dongeng dan tahayul dalam mendidik rakyat, negara-negara sekular Barat pula mengemukakan pendidikan yang berteraskan materialistik dalam semua aspek yang dinilai menurut ukuran kebendaan termasuk juga aspek agama dan akhlak.

Di zaman pemerintahan Islam dahulu, Kerajaan Islam mengemukakan pendidikan Islam yang berteraskan beriman kepada Allah dan hari akhirat dan menonjolkan sifat takwa dan berakhlak mulia menurut ajaran Islam, kami melihat dengan nyata bahawa pendidikan negara hari ini menurut falsafah negara Malaysia dalam menangani masyarakat majmuk ala Malaysia dan menuju ke arah menjayakan slogan Wawasan 2020 dengan meraikan aspek-aspek yang difikirkan oleh kerajaan boleh menjadi selera rakyat semua kaum dan menarik kemajuan yang dikehendaki tersebut dalam masa yang sama melangsungkan dasar lama yang berteraskan materialistik sekular dengan make-up baru menurut perkembangan zaman yang difikirkan begitu sahaja.

Kerajaan wajib mengambil iktibar daripada banyak gejala tidak sihat yang berleluasa dalam masyarakat di semua peringkat dewasa ini adalah hasil banyak kelemahan daripada sistem pendidikan dahulu yang lebih mempertahankan sekular dengan pelbagai alasan.

Islam masih tetap menjadi mata pelajaran tanpa menjadi roh kepada seluruh ilmu melalui mata pelajarannya kerana buku dan ilmu mempunyai roh atau jiwa yang tersirat bukan sahaja kertas dan yang tersurat di atasnya. Bermula daripada ilmu sains sehinggalah bahasa Inggeris, mestilah diletakkan aspek akidah dan akhlak di dalamnya yang merupakan ilmu dalam satu aspek dan rasa tanggungjawab dan akhlak dalam ilmu itu dari aspek yang lain pula.

Jepun yang membawa kemajuan teknologi Barat dalam sistem pendidikannya sebagai suatu contoh dalam teknologi itu juga dicituskan hubungannya dengan adat resam, kepercayaan agama mereka dan akhlak mereka untuk kepentingan negara mereka dan agama mereka. Begitulah juga dalam bidang ilmu yang lain, dalam bidang pendidikan Islam diletakkan termasuk dalam mata pelajaran teras

walaupun disenarai bawah tetapi ia bergantung kepada kekuatan kurikulumnya, adakah akan memenuhi pengertian Islam yang menyeluruh atau terhad seperti masa-masa yang lalu sekadar melepas batuk di tangga sehingga tetap melahirkan beratus-ratus ribu anak-anak muda yang buta Al-Quran dan buta fardu 'ain.

Kerajaan tidak memberi galakan yang bersungguh-sungguh kepada mata pelajaran bahasa Arab yang menjadi bahasa Al-Quranulkarim dan bahasa pengantar rujukannya penting untuk mengkaji dan memahami Islam sehingga kedudukan keperluannya dianggap lebih rendah daripada bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan sendiri, sepatutnya peranan bahasa Arab mestilah diberi keutamaan untuk memberi galakan kepada pengajian Islam secara mendalam sejajar dengan kedudukannya untuk masyarakat dan negara dan juga dari aspek kepentingan ekonomi yang sangat dijunjung oleh kerajaan itu dalam hubungan dengan negara yang menggunakan bahasa Arab yang mempunyai kedudukan ekonomi yang teguh juga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga tidak menggalakkan penggunaan tulisan jawi dengan cara yang meluas seperti yang berlaku sebelum kedatangan penjajah dan pada awal kedatangannya sehingga mereka pada masa itu terpaksa menulis surat-surat perjanjian seperti Perjanjian Pangkor dan sebagainya dan surat-surat rasmi kerajaan pada masa itu, adapun penggunaan tulisan rumi dirancang selepas itu. Tulisan jawi menjadi salah satu kebudayaan Islam dan suatu warisan yang mesti dipertahankan kerana ia juga mempunyai peranan yang besar dalam pendidikan Islam di rantau ini, apabila ia tidak diberi perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan, kita melihat kesan negatif yang besar terhadap pendidikan dalam masyarakat umat Islam di negara kita, kerana kebanyakan buku-buku rujukan penting dalam perkara agama di tengah-tengah masyarakat kita masih menggunakan tulisan jawi dan kemurnian istilah Islam yang dilafaz dengan betul juga mestilah dengan tulisan jawi dan banyak istilah agama menjadi berubah maknanya kalau ditulis dengan tulisan rumi dan kita melihat juga di antara kesan tidak dapat membaca jawi membantu gejala buta Al-Quran dan buta agama dalam fardu 'ain berleluasa di dalam masyarakat.

Kita tidak boleh mengharapkan pusat-pusat pengajian tinggi Islam di luar negeri semata-mata bukan sahaja kerana tidak semua rakyat mempunyai kemampuan tersendiri atau mendapat biasiswa tetapi juga pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri masih mempunyai banyak kelemahan yang tidak mampu

menampung keperluan umat Islam dalam menghadapi cabaran masa kini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana menghantar kepada saya satu laporan lawatan beliau di Mesir yang menyentuh tentang kelemahan pengajian Islam di pusat pengajian tinggi di negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini, bahawa pusat-pusat pengajian Islam di negara umat Islam di seluruhnya mengalami kesan daripada zaman penjajahan yang merancang serangan pemikiran melalui sistem pendidikan di negara umat Islam, melalui gerakan sekularisasi dalam sistem pelajaran dan pendidikan dengan memisahkan Islam daripada semua ilmu duniawi dan mewujudkan pengajian Islam yang lemah, yang tidak mampu menghadapi cabaran dengan tujuan untuk melahirkan ilmuan duniawi yang terpisah daripada agama dan melahirkan ilmuan agama Islam yang tidak mampu menangani masalah duniawi dan cabaran semasa dengan Islam.

Pada hal Islam melalui ayat-ayat yang pertama yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w. memberi penekanan kepada membaca dan menulis yang menjadi alat untuk mendapat semua ilmu dengan berdasarkan kepada nama Tuhan kerana seluruh alam yang menjadi sumber dan sasaran ilmu itu adalah ciptaan Tuhan, bukan sahaja dalam ilmu agama tetapi dalam semua ilmu termasuklah ilmu kebendaan.

Oleh kerana itu, apabila Islam menjadi kuasa besar dunia dalam beberapa abad telah mewujudkan suatu tamadun yang berteraskan akidah, bukan sahaja berjaya dalam menegakkan masyarakat madani yang bertolak daripada negara Islam di Madinah yang merealisasikan perkataan 'madani' yang sebenarnya dalam melaksanakan sistem politik dalam pemerintahan yang menegakkan undang-undang yang adil, ekonomi yang saksama dan juga menyumbangkan tamadun ilmu dalam segala aspek yang memberi faedah kepada manusia, bukan sahaja dalam ilmu agama Islam, dalam segala aspek usuluddin, syariat dan akhlak, tetapi juga dalam ilmu sains dalam segala bidangnya. Ulama-ulama Islam yang pertama mencipta peta dunia sebagai satu kemajuan dalam ilmu geografi, ilmu bius dalam perubatan dan beberapa perkembangan dalam ilmu falak, ilmu pertanian dan lain-lain.

Kita perlu menyedari bahawa sama ada ciptaan sendiri oleh umat Islam, umat Islam telah melahirkan ilmu yang dicipta oleh mereka sendiri dengan kemajuan yang dicapai atau yang diambil

daripada tamadun Greek, Rome, Parsi, China dan India hasil daripada penterjemahan buku-buku daripada bahasa Yunani, China, Parsi dan lain-lain yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab kerana Islam meletakkan semua ilmu yang berfaedah wajib dipungut walau dari mana datangnya tetapi mestilah dibina di atas beriman kepada Allah, seterusnya dapat membaiki semula tamadun manusia supaya melaksanakan peranan khilafah di bumi Allah sehingga Eropah yang maju pada hari ini mengambil atau mencedok ilmu daripada tamadun di Baghdad, Sepanyol dan lain-lain dengan memisahkan ilmu itu daripada agama.

Maka lahirlah tamadun ciplak yang tidak bermoral, maju tetapi tidak bermoral, melahirkan ciptaan-ciptaan baru tanpa batas termasuk yang menjahanamkan manusia. Begitulah putaran sejarah, umat Islam menjadi mundur di zaman mutakhir setelah leka menjadi kuasa besar dan di zaman kelemahan ini mereka terpengaruh pula dengan tamadun Barat yang tidak mempunyai haluan yang betul itu.

Umat Islam perlu kembali semula kepada pendidikan Islam. Dalam semua aspek melalui caranya yang betul, maka kerajaan perlu memberi galakan kepada perkembangan ilmu dengan betul oleh pihak kerajaan sendiri dan semua pihak yang berkemampuan khususnya dalam negeri dengan pengawasan yang betul, bukannya sekatan, kongkongan dan halangan.

Dasar pelajaran dan pendidikan yang berjalan akhir-akhir ini menunjukkan tidak menuju ke arah membantu Bahasa Kebangsaan ke suatu martabat yang lebih tinggi, sehingga diusahakan supaya ia menjadi bahasa ilmu dalam semua jurusan, seolah-olah mempercayai bahawa peningkatan ilmu itu wajib dengan bahasa Inggeris dan ilmu itu mestilah mencapai kemajuannya dengan bahasa Inggeris. Apakah kita tidak mengambil iktibar bahawa Jepun dan Jerman membangun menjadi negara maju selepas kalah teruk dalam Perang Dunia II tanpa meninggalkan bahasa mereka menjadi bahasa utama dalam pelajaran dan pendidikan mereka. Bahkan bangsa-bangsa yang bermaruah dalam dunia ini membangun negara masing-masing dalam bidang ilmu dengan bahasa mereka, hanya bangsa yang rendah maruahnya merasa hina dengan bahasanya sendiri dan berbangga dengan bahasa bangsa yang pernah menjajahnya. Saya tidaklah menafikan perlunya menguasai bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa lagi, tetapi apa yang menjadi masalah ialah kita menjadikannya lebih perlu daripada bahasa kita dan bahasa agama kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan mutakhir ke atas institut pengajian tinggi sangat membimbangkan. Dasar pengkorporatan ke atas institusi ini adalah padah baru yang sedang menimpa umat terutama golongan yang berpendapatan rendah. Perkara ini ditimbulkan dalam Perhimpunan Agung UMNO, di kalangan UMNO juga sedar hal ini, di mana kos pengajian yang akan ditanggung oleh pelajar membabitkan mereka menanggung hutang yang berterusan.

Dasar pengkorporatan ini jelas memberi peluang pendidikan tinggi yang lebih kepada golongan kelas menengah dan atasan, jaminan kerajaan bahawa anak-anak dari golongan berpendapatan rendah tidak akan terhalang dari meneruskan pengajian mereka, tidak meyakinkan kerana kita banyak pengalaman dengan janji yang pernah dibuat tetapi pelaksanaan yang tidak tepat kepada sasarannya yang sebenar dan perkembangan mutakhir menunjukkan para pemegang pinjaman kerajaan untuk melanjutkan pelajaran dibebankan dengan hutang yang disaluti dengan faedah yang membebaskan mereka di samping terdapat diskriminasi di antara aliran sains dan sastera yang begitu ketara di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan pusat pengajian tinggi akan melahirkan diskriminasi pendidikan dalam dekad yang akan datang, sekiranya tidak diawasi dengan betul, yang akan melahirkan kelas-kelas dalam masyarakat menurut kemampuan pendidikan di antara golongan atasan dengan golongan menengah dan bawahan yang dijuruskan ke pusat pengajian tinggi itu. Fenomena ini tidak akan membantu keharmonian dan perpaduan masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut pula masalah yang berkait dengan pertanian. Saya telah memberi teguran kepada pihak kerajaan dalam persidangan yang lalu kerana tidak banyak memberi perhatian secara serius dalam usaha meningkatkan sektor pertanian yang menghasilkan makanan supaya menjadi strategi keselamatan negara di mana usaha ke arahnya tidak menunjukkan kecapaian yang serius kerana penumpuan menurut perhitungan ekonomi semata-mata dengan hujah mengimport bahan makanan daripada negara luar lebih ekonomik, walaupun banyak negara maju telah menunjukkan contoh kepada kita di mana mereka tidak mengabaikan perkara ini sehingga Jepun, sebagai contoh, memberi subsidi 99% untuk menggalakkan bidang ini. Begitu juga dengan Amerika, England, Perancis, Jerman dan lain-lain, semuanya negara maju dalam bidang perindustrian,

tetapi mempunyai program pertanian yang mencapai tahap mencukupi untuk keperluan dalam negeri dan ada yang berkemampuan mengeksport ke negara lain dan membantu negara lain seperti Korea Utara yang dilanda kemarau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pihak Kementerian Pertanian yang mengeluarkan kenyataan untuk mengadakan projek secara besar-besaran dalam rancangan yang akan datang, tetapi saya mengingatkan supaya projek tersebut lebih menumpukan kepada untuk mencukupi makanan negara dan mestilah mengalir kepada rakyat tempatan di kalangan petani yang ada dan akan diwujudkan generasi pelapis yang lebih progresif. Dalam masa yang sama kemudahan tanah hendaklah diberi dan kerajaan negeri yang bakhil terhadap petani hendaklah ditangani oleh Kerajaan Pusat. Usaha memodenisasikan pertanian hendaklah ditingkatkan bukannya oleh dorongan keperluan tempatan tetapi menjangkau ke peringkat keperluan antarabangsa.

Dalam industri perikanan yang menjadi pergantungan sebahagian besar rakyat termiskin dan menjadi salah satu sumber makanan negara, terdapat beberapa perkara yang perlu dibetulkan, seperti adanya syarikat perikanan yang meneroka laut dalam, yang diberi lesen dan kebenaran oleh Jabatan Perikanan Malaysia, terdapat di kalangan mereka yang diberi kemudahan itu menyalahgunakan lesen tersebut dengan memberi sewa kepada pihak di Thailand yang melakukan pendaratan hasil tangkapan di pelabuhan pendaratan di Thailand tanpa mempedulikan keperluan rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat-syarikat ini dan saya rasa ini di dalam maklumat Kementerian Pertanian, tetapi ianya dinaungi dan dilindungi oleh jerung-jerung yang besar menyebabkan menjadi payah kepada Kementerian Pertanian untuk mengendalikannya barangkali. Sudahlah tidak memberi tempat kepada peserta-peserta kursus angkatan laut dalam di kalangan anak tempatan, syarikat ini mengadakan penandatanganan MoU yang disaksikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana kerja-kerja yang seperti ini sangat tidak bertanggungjawab terhadap negara sendiri dan rakyat negeri ini tetapi lebih mementingkan keuntungan untuk orang-orang yang tertentu sahaja. Apakah kerajaan boleh membenarkan mereka yang bersuka ria dengan puak mereka tanpa mempedulikan rakyat sendiri yang mengalami masalah kenaikan harga ikan di merata tempat sehingga bahan yang begini perlu mengalami inflasi yang menyusahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada masalah antarabangsa. Sikap kerajaan dalam menangani isu antarabangsa perlu dikaji mengikut perkembangan semasa dengan terus-menerus mempertahankan keadilan sejagat di samping mewujudkan keamanan dunia secara adil, mempertahankan hak bangsa yang ditindas dan menyedari masih ada bangsa yang dijajah, sama ada secara penjajahan purba ataupun penjajahan secara moden (new colonialisme).

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah mengkaji semula sikap terhadap apa yang dinamakan perdamaian Asia Barat kerana keadaan yang masih tidak menjamin hak yang adil kepada rakyat Palestin, masyarakat antarabangsa masih lagi dipengaruhi oleh zionisme Yahudi melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pertubuhan antarabangsa termasuk Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatannya. Mereka menguasai media massa dan kita pun sedang menghadapi masalah media massa asing.

Mereka menguasai media massa yang berat sebelah di antaranya yang dikendalikan oleh Reuter, UPI, CNN dan mempengaruhi aliran ekonomi kapitalis yang menguasai juga dalam menangani perdamaian Asia Barat di mana apa yang dinamakan perdamaian Asia Barat itu lebih bersikap untuk melindungi kezaliman Yahudi di Palestin, untuk melindungi atau mendiadakan tindakan mereka meluaskan penempatan Yahudi di kawasan-kawasan Arab, merampas Baitulmaqdis ke arah untuk menjadi ibu kota mereka semata-mata. Tanah-tanah yang telah lama didiami dan diteroka oleh orang-orang Palestin dirampas sewenang-wenang, rumah-rumah kediaman dirobah secara berterang-terangan atau dengan menggunakan sogokan wang yang sangat lumayan oleh kapitalis-kapitalis Yahudi yang berada di luar seperti di Amerika, mereka tidak tinggal di Palestin, tinggal di Amerika tetapi mereka membiayai wang yang banyak untuk membeli tanah di Palestin bagi penempatan Yahudi tanpa mempedulikan bantahan orang-orang Arab dan masyarakat antarabangsa dengan mengambil peluang daripada kelemahan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pengaruh Amerika yang berdolak-dalik yang terus memihak kepada Yahudi dengan beberapa kali menggunakan kuasa veto di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Israel tidak dikutuk dan membekalkan segala keperluan persenjataan kepada Israel di atas nama menangani keganasan dan sebagainya, tanpa mempedulikan bahawa Israellaah yang menjadi punca keganasan sebaliknya orang-orang Palestin yang serba kekurangan itu dan

mempertahankan tanah, rumah mereka dengan terpaksa mengorbankan diri pula yang dianggap pengganas, yang menjadi matlamat Yahudi ialah untuk merampas tanah Palestin bagi penempatan Yahudi dan merampas Baitulmaqdis.

Apabila kedua-dua perkara ini dapat dilaksanakan melalui perlindungan perjanjian damai yang mengikat rakyat Palestin dan sikap tidak menghormati perjanjian oleh Yahudi tanpa kemampuan tindakan antarabangsa dan mendapat perlindungan Amerika dan kuasa-kuasa besar, sekutu-sekutunya maka perjanjian yang dimeteraikan dan disahkan oleh masyarakat antarabangsa itu tidak memberi apa-apa erti.

Israel juga termasuk di kalangan negara yang tidak menandatangani pengharaman senjata nuklear, sedangkan negara-negara Arab telah menandatangani. Sikap tidak adil yang berterus terang ini, sepatutnya ianya menyedarkan masyarakat antarabangsa, maka negara kita yang sedang mendongak kerana dihantuk oleh penurunan nilai mata wang dan kejatuhan saham di mana Yahudi menjadi salah satu puncanya hendaklah bertegas dalam berdepan dengan isu Palestin bagi menyatukan negara umat Islam khasnya dan negara-negara yang sedang membangun amnya untuk bersatu dengan sikap yang tegas, menegakkan keadilan dan pembelaan hak maka masalah Palestin menjadi anak kunci terbaik untuk mengajar bangsa Yahudi yang tidak adil itu, menindas bangsa bukan Yahudi menjadi salah satu ajaran agama mereka.

Termaktub di dalam kitab Taurah yang dipinda daripada yang sebenarnya dan juga di dalam Thelud yang menjadi kitab agama Yahudi bahawa memakan riba itu haram sekiranya terhadap orang-orang Yahudi dan diharamkan terhadap bangsa yang lain daripada bangsa Yahudi. Mereka berjaya menguasai Bank Dunia dan tabung-tabung antarabangsa.

Melalui kekayaan mereka, melalui pengaruh mereka, mereka menguasai media massa cetak dan elektronik, syarikat-syarikat berita yang besar dikuasai oleh mereka, akhbar-akhbar yang beroperasi dengan meluas dikuasai oleh mereka sama ada secara kewangan dan sebagainya. Mereka menguasai orang-orang berpengaruh melalui pertubuhan Freemason, kalau pertubuhan Freemason ini ada dalam negara kita, maka kerajaan hendaklah bertindak mengharamkannya kerana pertubuhan ini adalah ejen Yahudi, mekanisme Yahudi yang sangat penting untuk menguasai pemimpin negara dan orang-orang yang

berpengaruh, mereka menguasai pertumbuhan-pertumbuhan kemasyarakatan seperti Lion's Club, Rotary Club yang kononnya untuk berbuat kebajikan dengan pelbagai cara tetapi digunakan untuk mempengaruhi orang ramai di mana zionis yang membiayai Lion's Club, Rotary Club ini mereka juga di belakang kegiatan mafia, pengedaran dadah dan kegiatan lucah di Hollywood dan lain-lain lagi semata-mata dengan tujuan untuk merosakkan bangsa lain dari segi akhlak kerana menjadi salah satu daripada tujuan Freemason ialah untuk menguasai dunia bagi mengembalikan kerajaan yang didakwa oleh mereka, Kerajaan Nabi Sulaiman a.s. dari kalangan bangsa mereka yang memerintah dunia, cara untuk menguasainya ialah dengan merosakkan politik bangsa lain, dengan merosakkan ekonomi bangsa lain, dengan merosakkan akhlak bangsa, dengan merosakkan pendidikan bangsa lain.

Bahkan yang menaja teori ekonomi seperti komunisme, sosialisme, kapitalisme adalah tokoh-tokoh Yahudi seperti Adam Smith, Karl Marx dan lain-lain, mereka adalah kalangan Yahudi menggunakan kepintaran dan kecerdikan mereka untuk menguasai bangsa lain. Mereka membiayai syarikat-syarikat perfileman yang membekalkan bahan-bahan lucah, mereka di belakang pengedaran dadah, di belakang pelbagai perkara dan dikatakan merekalah di belakang pencetusan dua Perang Dunia yang mengorbankan berjuta-juta manusia dengan tujuan untuk merosakkan bangsa lain, walaupun Yahudi menjadi mangsa Perang Dunia II, menjadi mangsa pembunuhan Hitler tetapi mereka juga di belakang untuk mencetuskan huru-hara bagi merosakkan bangsa lain dengan tujuan apabila politik bangsa lain lemah, ekonomi bangsa lain lemah, akhlak bangsa lain lemah, pendidikan bangsa lain lemah, maka mereka boleh menguasai dunia dan dapat mengembalikan kerajaan yang didakwa oleh mereka Kerajaan Yahudi yang memerintah dunia yang dipimpin oleh Nabi Sulaiman a.s.

Walaupun Nabi Sulaiman a.s. tiada kenamengena dengan kejahatan dan kezaliman mereka,

tetapi Nabi Sulaiman dijadikan simbol, dijadikan slogan untuk memberi semangat kepada bangsa Yahudi bagi menguasai dunia dengan cara-cara yang sangat licin, dengan cara-cara yang sangat bijak, dengan cara-cara yang sangat halus dan kita menyedari bahawa sebenarnya semua kekalutan, kekacauan, ekonomi, politik, pendidikan termasuklah ekonomi mata wang yang kita alami sekarang ini, mereka berada di belakangnya, kita tidak nafi, kita juga ada kelemahan, tetapi mereka juga ada peranan mereka, kita hendaklah membaiki kelemahan kita sehingga kita mampu menghadapi apa sahaja penipuan yang dilakukan oleh mereka dan kita hendaklah sedar bahawa bangsa Yahudi adalah satu bangsa yang sangat merbahaya, oleh kerana itu maka kerajaan jangan memberi tempat untuk memberi kekuatan kepada Yahudi dengan mengiktiraf perjanjian damai Asia Barat bukan bermakna kita tidak bersetuju dengan perdamaian, kita mahu kepada perdamaian. Perdamaian adalah perkara penting yang didahulukan oleh Islam dalam perjanjian antarabangsa, bahkan mengikut kaedah ajaran Islam yang pertama dalam hubungan antarabangsa ialah perdamaian. Peperangan ialah perkara yang datang kemudian, kita mendahulukan perdamaian tetapi perdamaian itu mestilah di atas dasar keadilan, di atas dasar kebenaran, di atas dasar tidak menjejaskan hak orang lain, sekiranya menjejaskan hak orang lain, maka tiada makna daripada perdamaian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup. Hendak sambung besok Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, hendak sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.